

# SRIKANDI

A woman wearing a purple hijab and a matching purple dress with intricate lace detailing on the sleeves and hem. She is standing in a field of purple flowers, possibly lavender, with a sunset or sunrise in the background. The sky is a mix of orange, yellow, and purple, with mountains visible in the distance. The overall mood is serene and beautiful.

Srikandi cekal, tabah melangkah  
Seribu pengorbanan di sebalik tawa  
Membina kerjaya, menjaga cinta  
Inilah perjuangan wanita luar biasa

E-BOOK  
PUSPANITA DAN AKRAB  
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH

# SRIKANDI

Srikandi cekal, tabah melangkah  
Seribu pengorbanan di sebalik tawa  
Membina kerjaya, menjaga cinta  
Inilah perjuangan wanita luar biasa

**E-BOOK  
PUSPANITA DAN AKRAB  
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH**

## Hakcipta Terpelihara © 2026 Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pencarian atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada PUSPANITA dan AKRAB Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Diterbitkan oleh:  
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH  
KULIM HI-TECH PARK, 09090 KULIM  
KEDAH DARUL AMAN



PUSPANITA PTSB CAWANGAN KECIL JPPKK



AKRAB POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH

## SRIKANDI

Terbitan Pertama 2026

### PENULIS

Ahli PUSPANITA PTSB  
Ahli AKRAB PTSB

### PENYELARAS

Liza Suhana Ramli

### EDITOR

Liza Suhana Ramli  
Hazaini Mohd Zainal Abidin

### PRUF

Liza Suhana Ramli  
Hazaini Mohd Zainal Abidin

### REKA LETAK

Fazaliana Zamzuri



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7778-34-1



# *Isi* **KANDUNGAN**

<b>KALAM PENERUS</b>	<b>i</b>
<b>TINTA PENYELARAS</b>	<b>ii</b>
<b>CAHAYA YANG TERUS MENYALA - NORLIA MD DESA</b>	<b>1</b>
<b>GERITA MAMA UNTUK KAMI - LIZA SUHANA</b>	<b>5</b>
<b>MENCARI SITI KHADIJAH DI TANAH MEDAN - YUSMA YUSOF</b>	<b>9</b>
<b>OVERTHINKING DAN SAYA SEORANG WANITA - NORLILI JUWITA</b>	<b>14</b>
<b>PANTUN WANITA BERKERJAYA - SITI MARIAM SAMAT</b>	<b>18</b>
<b>ANTARA TUGAS DAN CINTA - AZALINA KHALIL</b>	<b>21</b>
<b>BERDAMAI DENGAN CABARAN - NOR SALWA SULAIMAN</b>	<b>25</b>
<b>BUKAN KERANA TIDAK MAHU - HAZAINI MOHD ZAINAL ABIDIN</b>	<b>29</b>
<b>CINTA TANPA SYARAT - AMILIA ABU BAKAR</b>	<b>34</b>
<b>DEMI YUZASSIF BINTANG SYURGAKU - NOR AIN JAMALUDIN</b>	<b>39</b>
<b>DISEBALIK SENYUMAN ITU - KHALILAH MUHAMAD</b>	<b>44</b>

<b>KALI TERAKHIR - NOOR FAIZAH YAHYA</b>	<b>49</b>
<b>LANGKAH IBU LANGIT ANAK - SHARIPAH KHADIJAH S. HASHIM</b>	<b>53</b>
<b>LARUT DALAM EMOSI - SHAKIRAH ANUAR</b>	<b>56</b>
<b>LELAH - WAN NOR SARIZA WAN HUSIN</b>	<b>60</b>
<b>MAMA IDOLA KAMI - CHARANJEET KAUR AMTAR SINGH</b>	<b>64</b>
<b>MELANGKAH PULANG - NOR FARAHAIN DZULKAFLI</b>	<b>68</b>
<b>MENJADI SRIKANDI BIJAK - ROZANA ABD RAHMAN</b>	<b>73</b>
<b>REZEKI ANAK - HASMIDA MOHAMAD HASSAN</b>	<b>78</b>
<b>RINDU YANG TAK PERNAH SEMPAT - INTAN RADINA AHMAD</b>	<b>82</b>
<b>SETANGKAI DOA ANTARA DUA NEGERI - RAIHAN AHMAD</b>	<b>86</b>
<b>SLAID KETUJUH - FAUZIAH ZAKARIA</b>	<b>91</b>
<b>SRIKANDI TIGA GENERASI - MARZIANA HASHIM</b>	<b>95</b>
<b>SYUKUR SEADANYA - BADRUL SAKINAH SANUSI</b>	<b>98</b>
<b>GEKAL DALAM PERJUANGAN - ROS MY</b>	<b>101</b>

# *Kalam Pengerusi*

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tahniah dan syabas ingin dizahirkan kepada Biro Akademik, PUSPANITA PTSB dan AKRAB PTSB kerana berjaya menerbitkan makalah yang berinspirasi kejituan raga, kekuatan usaha dan ketahanan jiwa seorang wanita dalam mendepani pelbagai cabaran sezaman. Kudrat luar biasa, limpahan kasih sayang kepada semua, kemahiran dalam segala kerja dan kemampuan bertahan dalam segenap suasana menjadi bukti bahawa wanita adalah yang teristimewa.

Wanita Sepakat, Negara Meningkatkan, moto bagi PUSPANITA menggambarkan wanita adalah srikandi yang sama-sama berjuang bagi menjamin Malaysia membangun dengan jayanya. Setiap wanita adalah warga berkerjaya. Yang membezakan hanyalah ganjaran diterima secara tetap atau tidak berkala. Semua mempunyai cerita dan pengalaman berbeza, tetapi mengarahkan kepada matlamat yang sama, iaitu peningkatan kepada keluarga, rumahtangga dan negara.

Penerbitan ebook bertajuk SRIKANDI adalah perkongsian ikhlas tentang perjalanan, cabaran, kekangan dan pengalaman sebenar yang perlu dilalui oleh seorang yang wanita dan suri bekerjaya. Perkongsian ini diharap dapat menjadi pedoman dan suntikan untuk menjadi yang terbaik dalam kalangan insan yang terpilih sebagai seorang wanita. Telah dijanjikan kepada wanita, dalam setiap perbuatan dan pertuturan, wanita perlu berhati-hati, kerana mudah untuk mengumpul pahala dan ada kalanya sukar untuk mengelakkan dosa.

Semoga usaha penerbitan dapat dilaksanakan secara berterusan sebagai satu wadah untuk wanita dan suri bekerjaya bersuara untuk berkongsi rasa dan suara. Setiap hari, cerita dan pengalaman wanita berbeza. Setiap peristiwa yang dilalui wanita mempunyai pengakhiran berbeza. Tuliskanlah, ceritakanlah dan hebahkanlah segala yang tersirat dalam pengalaman dan kehidupan untuk tatapan dan yang paling penting, untuk luahan segala di hati yang lama terbungkam.

Tahniah kepada semua karyawan yang menulis seikhlas hati. Anda semua adalah SRIKANDI TERISTIMEWA.

Sekian dan seikhlasnya,

NORLILI JUWITA ARSHAD  
Pengerusi PUSPANITA  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kulim, Kedah



# Tinta Penyelaras

Sejak bermulanya langkah dalam penghasilan e-book SRIKANDI, saya amat teruja. Inilah e-book motivasi santai yang pertama karya ahli PUSPANITA PTSB dan AKRAB PTSB yang berjaya diterbitkan sejak penubuhannya.

SRIKANDI menghadirkan cerpen dan puisi berkonsepkan kisah benar untuk santapan minda khalayak pembaca. Garapan karya bertemakan ‘perjuangan wanita berkerjaya’ daripada 25 penulis mewakili situasi dan perasaan wanita yang sedang berjuang demi cinta pada keluarga dan kerjaya.

Sepanjang proses pemilihan tajuk dan tema, pencarian penulis, penyuntingan karya, rekaan grafik sehinggalah kepada terbitnya e-book SRIKANDI secara rasmi, segalanya tersusun dan lancar di tengah-tengah kesibukan tugas hakiki pasukan editor, designer dan penulis. Sepakat dalam menyumbangkan ilham, masa dan tenaga tanpa mengharapkan pulangan. Sebulat suara dalam satu tekad - meluahkan rasa berkongsi cerita sambil menginspirasi para wanita di luar sana.

Alhamdulillah. Allah SWT izinkan saya menggunakan secebis pengalaman sebagai penulis dan penyunting genre motivasi dakwah untuk manfaat di institusi tempat saya menabur bakti. Sekalung penghargaan juga buat semua yang terlibat dalam penerbitan SRIKANDI. Semoga menjadi ladang pahala untuk dituai hasilnya nanti.

Terus berjuang srikandi hebat! Ada Dia yang Maha Melihat.

LIZA SUHANA RAMLI  
Biro Akademik PUSPANITA PTSB  
Ahli AKRAB PTSB





CAHAYA YANG TERUS  
MENYALA

NORLIA MD DESA

# CAHAYA YANG TERUS MENYALA

NORLIA MD DESA

Langit senja di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah yang berwarna jingga keemasan masih terasa membahang walaupun alam sudah mahu melabuhkan tirai. Di tengah-tengah kampus itu, Dr. Siti Wardah pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal berdiri di muka pintu rumah warden memerhati pelajarannya yang sering lalu-lalang ke kamsis dengan doa tanpa suara.

Di antara ratusan wajah, ada satu yang mencuri perhatiannya Aqilah anak remaja dari desa kecil di utara tanahair sedang melangkah longlai menuju ke kafeteria asrama. Aqilah bukan pelajar cemerlang. Dia sering tertidur di barisan belakang di dalam kelas dan juga sering lambat masuk ke kelas.

“Saya nak jumpa awak selepas kelas,” kata Dr. Siti Wardah kepada Aqilah. Petang itu selepas kelas, Aqilah datang dengan wajah yang sugul.

“Kenapa kamu selalu mengantuk dan sering lambat datang ke kelas saya?”

“Saya kerja dari petang hingga malam di kafeteria asrama, Dr. Kalau tak kerja, saya tak dapat makan dan tak dapat membantu ibu saya di kampung.”

## SRIKANDI

Sejak hari itu, Dr. Siti Wardah sering menghulurkan bantuan. Dia membayar yuran Aqilah secara senyap dan meletakkan kupon makan yang boleh ditunaikan di kafeteria dengan menulis nota kecil, “Saya percaya kamu boleh.”

Aqilah bukanlah pelajar terbaik tetapi dia menjadi pelajar paling tekun selepas itu. Dia membaca setiap nota kuliah yang diberikan pensyarah, hadir ke kelas tanpa culas dan sering berbincang bersama kawan-kawan jika terdapat topik yang tidak difahami.

Beberapa tahun berlalu. Aqilah berjaya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti awam di dalam bidang Mekanikal Pembuatan setelah menamatkan pengajian diploma di PTSB. Pada majlis konvokesyen, dia berdiri sebagai pelajar pertama dari desanya yang menggenggam ijazah dengan penuh bangga.

“Saya takkan sampai ke sini kalau bukan kerana seseorang yang melihat saya bukan dengan mata, tapi dengan hati.”

Tidak lama selepas itu, Aqilah kembali lagi ke PTSB. Kali ini sebagai pensyarah muda. Dia berdiri di bilik pejabat yang pernah menjadi tempat Dr. Siti Wardah menitipkan doa dan harapan buat dirinya.

“Saya tak pernah lupa, Dr. Sekarang giliran saya pula untuk meneruskan perjuangan dan sifat mulia Dr. buat anak didik saya,” katanya dengan genangan air mata.

“Bila saya sudah tiada nanti, sekurang-kurangnya saya telah meninggalkan sesuatu. Nyala kecil itu kini berpindah dari hati ke hati dan takkan pernah padam.” Penuh emosi Dr. Siti Wardah melontarkan perasaan dan harapannya kepada pelapis muda di hadapannya itu.

## SRIKANDI

hadapannya itu. Susuk yang dilihat penuh dengan semangat membara untuk meneruskan perjuangannya.

Aqilah menyambut nasihat dan harapan Dr. Siti Wardah dengan hati yang berbunga-bunga. Dia meneruskan kerjaya mendidik disamping menulis blog kisah-kisah pelajar miskin yang hebat untuk membantu mereka dalam aspek kewangan dan akademik. Blog itu menjadi tular dan berjaya menyatukan ramai pelajar dalam gerakan bantu-membantu sesama sendiri.

Pagi Jumaat yang hening. Dr. Siti Wardah menghembuskan nafas terakhir dan kembali ke negeri abadi. Ketika pengebumiannya, hadir ratusan pelajar dan bekas pelajarnya yang pernah merasai sentuhan kasihnya yang tulus. Aqilah berdiri di sisi pusara dengan perasaan yang bercampur-baur. Dia benar-benar rasa kehilangan.

“Dr., saya takkan dapat membalas jasa Dr. tapi saya berjanji, saya akan terus menabur bakti kepada mereka yang memerlukan sebagaimana yang Dr. lakukan sepanjang 35 tahun berkhidmat. Doktor meninggalkan warisan perjuangan yang tidak bertepi.”

Sehingga kini, kata-kata pensyarah kesayangan Aqilah menjadi azimat buat dirinya.

“Jika kamu sedang jatuh, ingatlah langit masih di atasmu. Kehebatan bukan hanya milik mereka yang pantas berlari, tapi juga milik mereka yang enggan berhenti.”

Alhamdulillah. Kini langkah Dr. Siti Wardah bukan sekadar meninggalkan jejak, tetapi menjadi pelita yang bercahaya di dada anak-anak didiknya.





CERITA MAMA  
UNTUK KAMI

LIZA SUHANA

# CERITA MAMA UNTUK KAMI

LIZA SUHANA

“Masa kerja dulu, bos selalu puji mama rajin.”

Inilah cerita yang selalu diulang-ulang dan kami anak-anak tidak jemu-jemu mendengar. Mama selalu mengimbau saat dia masih bekerja dahulu. Bermula sebagai kerani rendah dengan hanya bergaji RM180, mama tekun melaksanakan setiap tugas.

Mama anak bongsu daripada 12 adik-beradik. Dalam keluarga, hanya mama yang punya kerja tetap. Kehilangan ayah ketika usia dua tahun menjadikan mama cepat matang. Tok menjadi ibu tunggal yang harus memikirkan ikhtiar hidup dengan membuat kuih untuk jualan dan mengambil upah menjahit baju. Hampir tiada masa untuk mama bermanja dengan tok. Mama perlu berdikari. Mama berjalan kaki hampir dua kilometer setiap hari sejak sekolah rendah. Inilah yang menjadikan mama wanita yang kuat semangat dan gigih bekerja. Mama mahu mengubah nasib keluarga.

“Darjah satu mama dah pandai tanak nasi dan buat sambal belacan.” Kami terdiam sambil membayangkan susuk kanak-kanak tujuh tahun memegang alu dan menumbuk lesung.

Mama sangat berdedikasi dalam tugasnya. Tidak sempat habis di pejabat, dokumen-dokumen dibawa pulang. Mama ralit dengan  
kerjanya

## SRIKANDI

kerjanya sehingga ke larut malam. Namun begitu, mama masih sempat menyediakan makan pakai papa dan kami tiga beradik.

Seingat saya, kami tidak pernah rasa diabaikan. Kami sentiasa rasa cukup - kasih sayang dan keperluan material. Jika papa membiayai makan minum dan yuran sekolah, mama pula akan memastikan kami berpakaian baharu setiap kali hari raya dan ketika permulaan sesi persekolahan. Mama sentiasa ada dan melengkapinya keluarga kecil kami dalam setiap keadaan.

Pernah suatu ketika, kesihatan papa teruji selama beberapa bulan. Mama mengambil alih tugas ketua keluarga. Disamping terus bekerja dan mengendalikan urusan anak-anak, mama turun naik tangga ibu pejabat menguruskan permohonan pertukaran tempat kerja papa. Papa juga dibawa berubat cara moden dan cara tradisional. Itu ikhtiar mama walaupun papa sudah tidak menaruh harapan untuk kembali bekerja. Alhamdulillah. Berkat doa dan usaha mama, papa kembali sihat dan tidak jadi berpencen awal.

Mama bukanlah seorang *fast learner* tetapi sikap rajin membawa mama mendaki tangga jawatan demi jawatan - pembantu tadbir, pembantu tadbir kanan sehinggalah pembantu tadbir tertinggi. Ada peperiksaan dan penilaian kenaikan pangkat yang mama lalui berkali-kali. Kata papa, “Kalau orang lain, dah lama *give up*.”

Begitulah mama. Tidak kenal putus asa.

Mama berpencen wajib pada usia 56 tahun. Beberapa bulan kemudian, barulah kerajaan mengumumkan umur persaraan dinaikkan ke 58 tahun. Jika mama masih dalam perkhidmatan, sudah pasti mama antara yang awal mahu mengisi borang untuk terus bekerja. Mama memang *workaholic* tetapi dalam erti kata yang positif.

## SRIKANDI

Kata mama, “Buat kerja kena betul-betul dan ikhlas. Allah akan balas dengan macam-macam ganjaran. Pahala, kesihatan yang baik, rezeki berkat, anak-anak berjaya, hidup senang. Insya-Allah.”

Alhamdulillah. Saya menyaksikan sendiri kesannya pada hidup mama dan kami sekeluarga. Allah jemput mama dan papa tiga kali menjadi tetamu-Nya di Tanah Suci. Makan minum kami sentiasa cukup. Kehidupan kami tidaklah mewah tetapi tidak juga susah, pendek kata senang dan tenang. Kami anak-anak berjaya ke universiti, bekerjaya tetap dan membina keluarga yang harmoni. Walaupun mama pernah menjalani pembedahan *total knee replacement*, mama masih sihat sehingga ke hari ini. Tetap setia dan bahagia di sisi papa. Saya kira, inilah makna keberkatan dalam pekerjaan.

*“Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).” – QS Al-Jumu’ah (10)*

Mama, figura hebat di mata kami. Pada usia hampir menginjak 75 tahun, sikap rajin, cekal dan kuat semangat masih dapat kami lihat pada diri wanita kental ini. Mama, masih lagi sesekali bercerita dengan mata yang bercahaya tentang kerjayanya dan kami masih setia menjadi pendengarnya.

Semestinya kisah mama bukan hanya sekadar cerita penyedap halwa telinga. Ia kisah realiti untuk kami hayati, teladani dan mengupas ibrahnya.





MENCARI SITI KHADIJAH  
DI TANAH MEDAN

YUSMA YUSOF

# MENCARI SITI KHADIJAH DI TANAH MEDAN

YUSMA YUSOF

Ini tanah Medan yang permai. Menurut aku, Medan masih permai walaupun warganya sibuk menguruskan hal seharian. Sesekali bunyi klakson menyentak jiwa yang masih mengelamun. Kelihatan anak sekolah berjalan sambil bercanda dengan rakan-rakan. Kenderaan banyak di jalanan. Ada sepeda motor, ada beca dan pastinya ada kereta yang hampir semua buatan luar negara. Toyota dan Honda menjadi juara jalanan.

“Puan mau makan apa pagi ini?” tanya Ibu Dewi yang ditugaskan menyantuni aku.

“Lontong dan lopes di gerai Ibu Nuri,” aku membalas tangkas. Sudah setahun menahan keinginan menyuap seketul kuih lopes tiga segi yang enak. Kuih lopes yang apabila dicicah dengan gula aren yang pekat menyatukan rasa manis gula, lemak kelapa dan asin pulut. Dikunyah penuh nikmat sambil menutup mata. Subhanallah. Nikmat dunia yang Allah izinkan aku rasai. Alhamdulillah.

Ibu Dewi dan Ibu Nurhayati adalah dua insan yang ditugaskan untuk memastikan setiap keperluan aku dipenuhi selama aku menjadi tenaga pengajar sukarela di kampus mereka di Jalan Sakti Lubis. Pastinya arahan itu datangnya daripada Ibu Cici dan Pak Supriyanto. Ini sudah tahun kedua aku menghabiskan sedikit masa di kampus mereka.

## SRIKANDI

“Ibu Cici sudah berpesan, setiap kebutuhan puan harus kami penuhi,” kata Ibu Nurhayati. Aku tersenyum lebar. Ada kawan. Seronoklah aku.

Mereka membuka mata hati ini kepada cerita pengorbanan seorang wanita. Waktu aku bekerja dulu, aku merasakan bahawa aku sudah cukup hebat. Aku mengimbangi kerjaya dan tugasku sebagai seorang isteri, ibu dan anak kepada orang tuaku. Aku melakukan semuanya. Aku pastikan yang aku memberi yang terbaik dalam setiap lowongan tanggung jawab itu. Pun begitu cerita pengorbanan aku bukan sesuatu yang terlalu istimewa. Tiada yang luar biasa.

Di Medan, Ibu Dewi dan Ibu Nurhayati mengimbangi perkara yang sama. Malah lebih lagi. Waktu tamat kerja adalah jam 8 malam. Itu kelas yang terakhir. Kadang kadang pernah juga menginjak sehingga jam 10 malam sekiranya ada hal yang tidak dapat dielakkan.

Nah, kalau mereka harus melayani aku lagi, maka setiap hari bekerja, mereka akan pulang lewat. Kelas aku tamat jam 5.00 petang. Setelah itu, aku dihantar pulang ke hotel untuk beristirehat. Selesai maghrib, mereka akan datang mengambil aku untuk makan malam. Jam 9.00 malam barulah tugas mereka berakhir untuk hari tersebut. Penat. Aku yang sekadar mencongak jadual harian mereka pun merasai kepenatan itu.

Di rumah, pastinya tugas seorang isteri dan ibu menanti. Ibu Nurhayati tinggal bersama mertuanya. Sudah pasti punya cabaran tersendiri. Tapi, dia tidak pernah merungut. Hujung minggu pula cuma hari Ahad. Hari Ahad yang satu itu akan digunakan untuk membuat kerja penelitian atau menyiapkan tugas kerana dua wanita hebat ini juga sedang menyempurnakan pengajian peringkat

kedoktoran!

## SRIKANDI

kedokteran! Di mana kalian memperoleh tenaga kalian? Pada jamukah atau pada wedang jahe yang menjadi minuman harian?

Ada ceritanya. Suatu pagi, aku melihat ibu Dewi minum segelas jamu kencur daripada seorang ibu yang berniaga di jalanan. Dalam sinetron Indonesia, ibu yang berniaga jamu sebegini, hidupnya susah. Keras kehidupannya - kata orang Medan.

Aku pun memesan segelas tetapi tidak diminum serta-merta. Apabila balik ke kamar penginapan, barulah aku minum. Kesannya, aku keracunan makanan. Bilik air menjadi kamar akrab. Perut memulas. Nasib baik aku ada membawa ubatan yang mencukupi. Dengan izin Allah, selepas beberapa hari, aku pulih. Namun, aku terpaksa menahan diri daripada mencubit sambal geprek, sambal ayam penyet atau oder mie gacoan level 3.

Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Allah mengajar aku bahawa jika menyangka yang pengorbanan yang dilakukan sudah cukup besar, aku seharusnya insaf apabila melihat pengorbanan lebih besar yang dilakukan oleh orang lain.

Di Tanah Medan, warganya mungkin tidak digaji semahal kita di Malaysia. Namun, hidup mereka tetap cukup. Mereka sibuk dengan pelbagai tanggungjawab, namun tetap tersenyum lebar ketika mengerjakannya.

“Ngak apa-apalah, bu!” kata mereka menyakinkan aku yang sudah mula berasakan kehadiranku menambah beban hidup mereka.



Di Tanah Medan ini aku belajar, sekeras manapun hidup, solat tetap diawal waktu. Sedekah selalu - pada ibu yang menunggu di pintu pagar sambil menggendong anak, pada anak muda yang menyanyi di restoran Ibu Nuri ketika aku menyuapkan sesudu lontong yang enak ke dalam mulut, mahupun sedekah pada tukang parkir yang memudahkan pak supir mengendarai kendaraannya.

Pengorbanan seorang wanita berjaya bukan sekadar pengorbanan untuk dia dan keluarganya. Pengorbanan seorang wanita di Tanah Medan mengingatkan aku tentang pengorbanan besar Sayyidatina Khadijah dalam usaha dakwah Rasulullah SAW. Pengorbanan yang akhirnya menyumbang kepada kemajuan bangsa, keteguhan agama dan pembangunan ummah. Seiring lagu keramat mereka - Indonesia Raya.

Nukilan dari Grand Shaqilla Syariah, Kota Medan, Sumatera Utara.



*OVERTHINKING* DAN SAYA  
SEORANG WANITA

NORLILI JUWITA

# *OVERTHINKING* DAN SAYA SEORANG WANITA

NORLILI JUWITA

**S**emua wanita yang berkerjaya tetap atau pengurus rumah tangga pasti cekap dalam segala bentuk kemahiran. Tangan cekap menyiapkan segala tugas dan tanggungjawab di rumah dan di tempat kerja. Teliti dalam memastikan hasil kemas, elok kemenjadiannya untuk kepuasan mata sendiri sebelum dinilai oleh orang lain.

Riak wajah turut bijak berperanan dalam mengendalikan pelbagai emosi dan rasa hati. Senyuman sentiasa terukir dan mata memandang tepat memberi perhatian, berjaya mengaburi persepsi orang lain terhadap emosi sendiri. Otak sentiasa berfikir. Pelbagai perkara yang difikirkan dalam suatu masa. Kotak-kotak fikiran mampu dibuka serentak untuk bertindak dalam memainkan peranan bagi pelbagai watak. Fikiran sentiasa berlegar keras untuk menuturkan kata dan frasa kepada pendengar yang hadir dengan pelbagai latar belakang, gaya hidup dan usia. Fikiran perlu sentiasa tajam untuk membantu mengalunkan suara supaya segala saranan, nasihat dan arahan tepat tersasar kepada yang hadir berjumpa.

Itulah saya, seorang wanita yang sentiasa berleluasa dalam berfikir dan bertepatan dengan fenomena global kesihatan mental, *overthinking*. Kadang-kadang terlalu dalam, ada masa terlalu terperinci. Selalunya di luar batas kemampuan, ada ketika melampaui waktu dan seringkali mengganggu kehidupan dan kewarasan. Itulah situasi pemikiran yang berlebihan bagi seseorang yang dalam fasa *overthinking*.

## SRIKANDI

Saya sentiasa hidup dalam keadaan pemikiran melampau ini. Di rumah, saya sentiasa memikirkan keperluan rumah tangga dan keluarga untuk hari ini, esok dan sampai bila-bila. Saya akan sentiasa keterlaluan memikirkan keselamatan dan kesihatan anak-anak, bimbang terjadi apa-apa, tanpa mengira usia anak saya. Pemikiran di rumah bersama keluarga tercinta ini, kadang-kadang merentas alam, “Akan bersama-samakah kita sehingga ke syurga?” Hal ehwal jiran tetangga, sahabat dan saudara mara serta ibu bapa, semuanya turut termasuk dan tertera dalam pemikiran saya. Sah, *overthinking* dan saya berpisah tiada.

Menelusuri masa bekerja, *overthinking* sentiasa menerjah kepala. Memang itu salah satu bidang kerja saya. Perlu memikirkan agar semua perkara perlu dipertimbangkan dengan betul sebelum membuat keputusan melaksanakan sesuatu kerja. Saya perlu melihat perkara daripada pelbagai sudut dan sentiasa meneliti setiap kesan yang mendatang kepada organisasi dan semua warga.

Saya perlu menjangkakan segala jenis risiko untuk ditangani dan diatasi. Saya perlu merujuk masa lalu, untuk menjamin segalanya baik untuk sekarang dan masa hadapan. Saya perlu bijak dalam menyusun tutur kata dan langkah dalam setiap situasi, agar orang sekeliling memahami dan tidak terasa hati, walaupun memang akur, saya tidak mampu menjaga hati semua. Saya perlu bertindak pantas untuk semua tugas dan mengeluarkan sebarang maklum balas, supaya segalanya terlaksana dalam sela masa yang terbatas. Perkara paling meletihkan dan sukar yang sentiasa berlegar di pemikiran adalah, untuk menggabungkan tindakan di minda supaya selari dengan hati dan emosi. Betul, pemikiran saya memang sentiasa melampau.

*Overthinking*, saya akui amat bahaya bagi kesihatan mental dan jiwa. Jika tersalah pengurusan, terleka dengan keterbatasan, terlalu

berkeyakinan

## SRIKANDI

berkeyakinan atau terlepas pergantungan tulus kepada Tuhan, akan memakan diri. Memang bahaya!

Sepanjang masa menjalani hidup, saya sentiasa berdoa. Panjang doa saya supaya saya terhindar daripada segala bahaya ini. Saya amat mengharapkan Allah hadirkan orang sekeliling yang rela berfikir bersama. Berfikir sendirian, amat sukar selalunya. Saya sentiasa meminta diberikan ilham dan pedoman untuk berusaha dan mencuba dalam setiap langkah saya. Saya perlu berjaga-jaga dan sedar tentang masa dan suasana untuk beralih tumpuan berfikir kepada lain-lain perkara atau berhenti berfikir seketika. Saya mesti faham tentang keterbatasan upaya dan tenaga, saya bukan seorang adiwira yang mampu menggalas segalanya di bahu saya.

Kadang kala, tanggungjawab, desakan kerja atau rasa teruja melalaikan saya. Bila *overthinking* bermaharajalela atau menunjukkan kuasanya, saya tidak boleh mengalah. Saya lari, saya cari jalan keluar dengan cara yang saya paling selesa. Kadang-kadang tidak memerlukan sebarang belanja, cukup lihat sekeliling menikmati keindahan dunia yang tercipta untuk kita, anugerah daripada-Nya. Saya akan mencari seseorang yang saya boleh berbicara dan bergelak ketawa. Sekiranya jalan keluar nampak kabur, saya tidak malu untuk mengeluarkan air mata, berserah kepada-Nya. Sekiranya serangan *overthinking* terus berleluasa, saya berhenti, noktahkan seketika. Saya pulang kepada yang tersayang, kerana keluarga adalah penenang.

Sekadar berkongsi rasa, kerana semua wanita menghadapi cabaran yang sama. Semoga semua wanita peka dan cakna, kita hanya manusia biasa. Carilah kaedah dan cara untuk menjaga diri kita, kerana tanpa kita, kucar kacirlah dunia.

Karya rasa mengharap redha-Nya.

*Lady Boss*



A woman wearing a light-colored hijab and a beige blazer is seated at a desk, focused on her work on a silver laptop. The scene is bathed in warm, golden light, suggesting a window with sheer curtains in the background. To the right, a vase with dried flowers and a glass of water are visible on the desk. The overall mood is professional and serene.

*PANTUN WANITA  
BERKERJAYA*

SITI MARIAM SAMAT

# *PANTUN WANITA BERKERJAYA*

SITI MARIAM SAMAT

*M*elati kembang harum semerbak,  
Disiram embun waktu pagi,  
Wanita pintar langkahnya bijak,  
Pandai bekerja, mengatur diri.

Merantau jauh ke negeri seberang,  
Singgah sebentar di kota lama,  
Wanita berkerjaya tampak tenang,  
Tersimpan azam membara di dada.

Cedok air dalam tempayan,  
Sirami pokok di laman luas,  
Wanita berkerjaya menyahut cabaran,  
Demi keluarga dan juga tugas.

Langit biru disulam mega,  
Burung terbang mencari arah.  
Wanita berkerjaya kuat minda,  
Meski lelah tetap tabah.

Berkat Jumaat di pagi hari,  
Bersih hati rezeki melimpah.  
Wanita gigih terus berdiri,  
Demi tugas kasih tertumpah.




Burung Merbah di atas dahan,  
Bernyanyi riang di waktu petang,  
Wanita berkerjaya penuh ketenangan,  
Berbakti demi negara tersayang.

Ke luar kota bersama Cik Aya,  
Singgah sebentar membeli roti,  
Wanita gigih membina kerjaya,  
Tetap menjaga maruah dan hati.

Mentari petang redup bercahaya,  
Langit senja bertukar rona,  
Wanita berjaya bukan dek gaya,  
Tapi usaha dan cita-cita.

Anak dara menjahit baju,  
Jarum halus benangnya rapi,  
Wanita kini bukan yang dahulu,  
Bijak tindakan usah diragui.

Cahaya pagi menyuluh jalan,  
Bersama doa penuh harapan,  
Wanita mulia jadi ikutan,  
Harapan negara sepanjang zaman.



*ANTARA TUGAS*  
**DAN CINTA**

AZALINA KHALIL

# ANTARA TUGAS DAN CINTA

AZALINA KHALIL

“Assalamualaikum, puan. Saya nak maklum anak puan, Mohamad Ariz Ziqri sakit perut. Boleh puan datang ke sekolah untuk ambil dia?”

“Baik, cikgu. Saya ke sekolah sekarang. Terima kasih, cikgu.” Panggilan telefon Cikgu Rijlee, guru kelas 1 Merak serta-merta membuatkan hati berdebar-debar. Beg tangan segera ku capai dan bergegas menuju ke pintu utama pejabat.

“Puan, saya nak jumpa sekejap boleh?” Aku memandang sosok yang sedang berdiri tepat di hadapan pintu.

“Kenapa Qayum?”

“Saya nak minta cop dan tanda tangan puan sebagai saksi untuk pinjaman PTPTN.”

“Okey, awak boleh letak borang dalam *pigeonhole* saya ya. Petang ni saya sign.”

“Tapi puan, saya ada nak cerita masalah keluarga juga.”

## SRIKANDI

Ketika ini, kepala ligat berfikir untuk membuat pilihan sama ada terus sahaja ke sekolah mengambil anak atau mendengar luahan pelajar ini. Di dalam hati aku berzikir, ‘Ya Baqi’ dengan harapan supaya Allah memudahkan urusanku dan menyerahkan segala perjalanan hidupku hari ini hanya kepada-Nya.

“Okey, Qayum. Saya bagi masa sepuluh minit untuk awak ceritakan apa masalah awak.” ujarku kepada Qayum. Sepanjang tempoh itu, aku menumpukan sepenuh perhatian terhadap cerita Qayum. Tiba-tiba telefon aku berdering lagi.

“Puan, agak-agak bila puan boleh sampai ke sekolah? Saya bawa Ariz ke bilik rawatan dulu, nanti puan call saya bila dah sampai di sekolah ya.” kedengaran suara cikgu Rijlee yang sedikit cemas.

Aku cuba mengawal perasaanku ketika itu walaupun hati meronta-ronta untuk segera menemui Ariz. Qayum masih bersungguh-sungguh meluahkan apa yang terbuku di dalam hatinya di depanku.

“Ayah saya perlukan jagaan yang lebih kerana dia tak boleh melihat sejak pembedahan potong ibu jari kaki tempoh hari. Saya kena jaga ayah sampai kadang-kadang terpaksa ponteng kelas dan terfikir nak berhenti pengajian.” Ini rupa-rupanya yang mengganggu fikiran Qayum ketika ini. Aku berikan pandangan bagaimana untuk menguruskan ayahnya dan titipkan nasihat supaya dia dapat terus bersabar dalam berbakti kepada orang tuanya.

Akhirnya dia bersuara, “Terima kasih puan, saya dah nampak cara untuk selesaikan masalah ni. Saya tak akan berhenti belajar dan dalam masa yang sama saya nak jadi anak yang soleh dengan menjaga ayah saya, puan.

## SRIKANDI

Terima kasih puan dan doakan saya berjaya di dunia dan di akhirat ya puan,” kata Qayum dengan mata yang bersinar-sinar.

Alhamdulillah. Selesai satu isu. Aku terus memecut laju kereta-ku menuju ke sekolah Ariz. Waktu itu, hanya Allah yang tahu betapa risaunya hati seorang ibu.

“Umi, kenapa lama sangat Abang Chik kena tunggu umi? Cikgu Rijlee dah sapukan ubat di perut ni, rasa lega dah sikit.” Ariz bersuara sebaik sahaja dia masuk ke dalam kereta. Empangan air matakku tidak dapat dibendung lagi. Air mata mengalir laju.

“Ya Allah, Maha Baiknya Engkau. Terima kasih melindungi anakku ya Allah.” Terasa benar Allah bayar cash dengan apa yang aku buat tadi. Allah datangkan Cikgu Rijlee untuk menjaga anakku ketika dia sakit perut, dalam masa yang sama ketika itu aku perlu menyantuni pelajaraku yang sedang dalam dilema.

Sahabat-sahabat, laksanakanlah kerja yang diamanahkan sebaik mungkin kerana ada habuannya yang Allah akan beri. Serahkan semuanya kepada Allah walaupun ada ketikanya terpaksa ‘mengorbankan’ keluarga kita untuk membantu atau menyelesaikan masalah orang lain dahulu. Letaklah sepenuh keyakinan kepada Allah, dengan izin-Nya urusan kita akan dipermudahkan-Nya.

Inilah jihad kita wahai wanita berkerjaya! Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata untuk berperang, namun kita mampu mengorbankan perasaan kita demi untuk sesuatu yang membawa manfaat besar kepada ummah. Kerana kita ada ALLAH.



A woman wearing a purple hijab and a purple uniform is the central focus. She is looking towards a man on her left who is wearing a dark uniform and glasses. To her right, a woman in a red and white uniform is partially visible, looking towards the central woman. The background is a plain, light-colored wall.

BERDAMAI DENGAN  
CABARAN  
NOR SALWA SULAIMAN

# *BERDAMAI DENGAN CABARAN*

NOR SALWA SULAIMAN

**H**embusan angin bertiup lembut pagi itu. Terasa dingin wajah Puan Adibah. Syukur. Bagaikan pelangi hadir selepas hujan, begitulah yang dirasakan saat ini.

Terasa ringan kakinya melangkah ke bilik kuliah tanpa ada rasa keterpaksaan untuk berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar. Dia akur dengan tugas hakikinya sebagai seorang pendidik atau ‘muallim’ yang saban hari berhadapan dengan ragam anak-anak didik.

“Mak... Adibah tak naklah terima tawaran sambung belajar bidang pendidikan ni. Adibah tak suka mengajar dan berleter. Adibah nak sambung ke KSKB. Mak izinkanlah,” rayu Adibah sambil menunjukkan surat tawaran. Ibunya tersenyum.

“Adibah dah ada ijazah, buat apa nak sambung diploma lain pula. Adibah kan dah biasa ajar adik-adik di rumah. Mak percaya Adibah boleh,” pujuk ibunya. Adibah mati akal dan terpaksa juga akur.

## SRIKANDI

Langkah Puan Adibah terhenti di hadapan pintu bilik kuliah. Para pelajar sudah sedia menunggu di dalam kelas. Kedengaran ceria suara mereka dari luar, bagaikan sekawan burung berkicauan sedang terbang bebas di angkasa. Puan Adibah masuk dan memerhatikan setiap wajah anak didiknya dan kemudian menyedari ada seorang pelajar yang belum munculkan diri.

“Ada sesiapa tahu, di mana Farish? Minggu lepas dia tak masuk kelas saya,” tanya Puan Adibah. Belum sempat pertanyaan dibalas, Farish muncul lalu masuk ke kelas dengan gaya bersahaja, tanpa sapaan dan tanpa rasa bersalah. Farish duduk di kerusi belakang. Kelihatan pakaiannya tidak terurus dengan rambutnya yang tidak bersikat rapi. Puan Adibah hanya memandang dan menggelengkan kepala. Dia harus mula mengajar supaya mood rakan-rakan sekelas Farish dan dirinya sendiri tidak terganggu. Tetapi tidak sampai 15 minit kemudian, Puan Adibah perasan yang Farish sudah mula tersengguk-sengguk.

“Farish!” Suasana kelas tiba-tiba menjadi hening apabila kedengaran suara Puan Adibah yang nyaring. Farish terkulat-kulat menggosok matanya dan bingkas bangun.

“Apa nak jadi dengan awak ni Farish? Awak baru semester satu. Awak tak beri tumpuan waktu saya mengajar, malah tidur di belakang. Macam mana awak nak skor penilaian akhir minggu depan?” Dengan wajah masam mencuka Farish bingkas bangun dan berjalan laju ke hadapan bersama beg sandangnya. Pintu dihempas kuat tanda protes. Mungkin Farish rasa puas menunjukkan amarahnya kepada pensyarah. Puan Adibah beristighfar panjang.

## SRIKANDI

Seminggu berlalu. Seusai pengumuman tamat waktu peperiksaan, Puan Adibah melangkah keluar dari dewan. Tiba-tiba dia terdengar namanya dipanggil. “Puan Adibah, tunggu saya!” Puan Adibah menoleh dan kelihatan Farish berlari ke arahnya.

“Ya, Farish. Kenapa ni?” Dia memandang Farish yang tercungap-cungap di hadapannya. “Puan, saya nak minta maaf pada puan. Selama ini saya tak beri tumpuan di dalam kelas. Saya tak ambil endah teguran puan. Saya kurang ajar dengan puan, maafkan saya,” ujar Farish dengan wajah tertunduk. Puan Adibah menghela nafas.

“Farish, saya dah lama maafkan awak. Yang penting, awak belajar daripada kesilapan dan berubahlah menjadi yang lebih baik.” Pantas Farish membalas, “Terima kasih, puan. Saya akan sentiasa ingat nasihat puan. Saya berjanji akan berubah, puan.”

Sungguh, pengakuan Farish yang tulus itu membuatkan Puan Adibah lega dan bangga. Lega kerana anak didiknya yang seorang ini sudah sedar akan kesilapannya. Bangga kerana Farish berani mengakui kesalahannya dan berazam mahu membetulkan sikapnya. Inilah antara situasi yang paling diingati sepanjang kerjayanya sebagai pendidik.

Untuk hari-hari yang mendatang, Puan Adibah percaya cabaran itu pasti akan terus ada. Seperti kata ibunya dahulu, “Mak tahu, Adibah pasti boleh.” Hari ini, Puan Adibah boleh tersenyum memandang ke hadapan. Dia sudah berdamai dengan segala bentuk cabaran yang singgah dan bersiap sedia dengan cabaran yang bakal hadir dalam medan pertempuran ilmu.





*BUKAN KERANA*  
**TIDAK MAHU**

HAZAINI MOHD ZAINAL ABIDIN

# *BUKAN KERANA TIDAK MAHU*

HAZAINI MOHD ZAINAL ABIDIN

**H**ujan turun sejak subuh tadi. Langit Pulau Mutiara mendung, seolah-olah tahu ada badai yang sedang menggelegak di dalam hatiku. Tiap pagi aku melangkah ke pejabat seperti lazimnya menyulam senyuman kepada pembantu di kaunter, memerhati rak-rak setia yang sarat khazanah ilmu dan menyaksikan deretan pelajar yang hadir seawal jam lapan. Mereka menjadi saksi bisu kepada perjalanan hidupku yang telah dua dekad bersemadi di ruang ini. Di sebalik kaca perpustakaan KMPP yang berembun, aku berdiri memandang keluar. Kaki ini masih terpaku di lantai marmar yang sudah kusam, namun jiwa ini seperti sudah separuh terbang jauh.

Di meja kerja, sepucuk lembaran putih sedang menunggu. Terselit di antara fail-fail pinjaman lewat dan memo mesyuarat yang telah berlalu.

‘TAWARAN KENAIKAN PANGKAT: PUSTAKAWAN KANAN, PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA.’

Aku terdiam.

Ini bukan lembaran biasa. Ini lembaran yang pernah aku impikan sewaktu belajar dahulu, berhempas pulas di universiti, bertugas awal dengan gaji yang cukup-cukup makan. Lembaran ini lambang kejayaan. Lambang pengiktirafan. Lambang ‘aku mampu pergi jauh’.

## SRIKANDI

Tapi sejauh mana boleh aku pergi ... jika keluarga sendiri terpaksa aku tinggalkan?

“Kalau awak terima, macam mana dengan anak-anak? Nak pindah sekali? Sekolah macam mana? Abang tak boleh ikut,” ujar suamiku, acuh tak acuh. Matanya tetap di skrin telefon.

Aku telan liur. Sakit itu datang bukan daripada ayatnya, tapi daripada tidak adanya rasa.

Anak-anak? Yang sulung baru tingkatan dua, masih bergelut dengan identiti diri. Yang bongsu pula baru belajar membaca Iqra’.

“Lagipun, kerja library saja kan. Bukan doktor atau engineer,” sambungnya lagi.

Benar, aku bukan doktor. Bukan juga jurutera. Cuma pustakawan. Tapi siapa yang tahu betapa hati ini penuh cinta pada dunia sunyi itu, dunia yang menyimpan berjuta cerita yang membentuk minda anak-anak pelajar menjadi manusia yang tahu berfikir?

Esoknya di perpustakaan, aku duduk termenung di antara rak-rak buku yang menjadi teman setiaku. Di sinilah waktuku tertumpah - menabur bakti tanpa jemu, memupuk tunas bangsa agar tumbuh menjadi insan yang berguna.

Di celah helaian ilmu ini juga, aku menyaksikan anak-anak pelajar melangkah pergi dengan sinar kejayaan di mata. Mereka menjejak universiti impian, mengejar cita-cita demi mengabdikan diri kepada agama, bangsa dan negara.

## SRIKANDI

Masih terngiang di telinga, satu suara yang menggugah jiwa. “Puan Jeni ... saya takkan lupa. Puan banyak bantu kami sediakan buku rujukan, buka library malam-malam untuk kami study dan bagi sokongan. Sekarang saya dah jadi doktor, puan.”

Ayat itu ringkas namun cukup untuk mengalirkan air mata syukurku. Di sebalik rak sunyi bertanda Matematik dan Fizik, tempat aku berlindung dari dunia, sejenak menikmati makna perjuangan.

Tarikh akhir membuat keputusan semakin hampir.

Setiap malam aku mengadu pada Yang Esa, menangis sendiri. Bukan mudah untuk menolak rezeki. Tetapi lebih sukar jika aku mengorbankan anak-anak yang masih perlukan seorang ibu yang hadir, bukan sekadar bayang di waktu malam hari. Aku juga mengerti, suamiku tidak dapat ikut berpindah bersamaku.

Hari terakhir untuk memberi jawapan.

Aku menulis satu e-mel yang ringkas. Tenang, tapi cukup berat untuk jemariku mengetuk papan kekunci.

“Dengan penuh penghargaan, saya mohon untuk menolak tawaran kenaikan pangkat ke Perpustakaan Negara Malaysia. Saya memilih untuk terus berkhidmat di negeri sekarang, demi komitmen keluarga dan tanggungjawab setempat yang tidak kurang nilainya dalam dunia ilmu.”

Aku hantar ... dan aku menangis. Tapi bukan kerana kesal. Aku tahu aku tidak lemah. Aku tahu aku tidak kalah. Aku tahu ... bukan kerana aku tidak mahu, tetapi kerana aku lebih memilih yang benar-benar perlu.

## SRIKANDI

Minggu berikutnya, aku kembali bekerja seperti biasa. Tiada karpet merah. Tiada upacara besar. Tiada orang pun tahu aku baru sahaja menolak satu pangkat yang dicemburui ramai.

Suatu petang, anak sulungku masuk ke dapur. Dia letakkan beg sekolah dan berkata perlahan, “Ibu tahu tak ... cikgu suruh kami buat karangan, ‘Tokoh Paling Saya Kagumi’. Abang tulis pasal ibu.”

Aku menoleh, terkejut.

“Kenapa abang pilih ibu?”

Dia tersenyum kecil.

“Sebab ibu sanggup tolak kerja besar semata-mata nak abang dan adik-adik tak rasa kehilangan.”

Saat itu, aku tahu. Aku telah membuat pilihan yang tepat walau hati melepaskan berat, yakin ada hikmah yang tersirat.

A young boy with dark hair and glasses, wearing a red cape, is shown from the chest up, looking upwards and pointing his right index finger towards a bright, glowing sun. The sun is surrounded by a circular pattern of light rays and is set against a deep blue sky with scattered white stars. The overall style is that of a digital illustration or painting.

# CINTA TANPA SYARAT

AMILIA ABU BAKAR

# *CINTA TANPA SYARAT*

AMILIA ABU BAKAR

**M**alam di desa sunyi menyelimuti. Angin berhembus perlahan menyapa jendela, membawa bisikan damai dan tenang. Bintang bertabur di dada langit, seolah menjadi saksi bisu kepada hati yang sedang belajar menerima, memaafkan dan terus menyayangi. Dalam keheningan itu, hanya hembusan nafas anakku yang lena menemaniku.

Aku masih ingat saat doktor menyebut perkataan itu - masalah pembelajaran. Hanya dua patah kata, namun bagai panah tajam menembus hatiku. Sejak hari itu, hidupku tidak lagi sama. Hakimi, permata hatiku yang ketiga, hadir dengan keunikan yang tersendiri. Sejak kecil, gerak-gerinya lincah, sukar diramal. Tangis dan tawa bersilih ganti, secepat bayu berlalu. Namun, dalam setiap pelukannya, ada kasih yang tak terucap. Dalam setiap renungannya, tersimpan dunia yang hanya dia fahami.

Aku seorang ibu bekerjaya. Hari-hariku bermula seawal fajar, menyediakan sarapan, menyiapkan anak-anak ke sekolah, menyusun harapan dalam kekalutan. Selesai urusan rumah, aku terus melangkah ke pejabat dengan wajah penuh semangat, walau hati sering berkecamuk. Di hadapan komputer dan fail-fail bertimbun, aku cuba menjadi cekap dan sempurna, seolah-olah tiada badai menunggu di rumah.

## SRIKANDI

Namun dalam diam, aku menyimpan resah. Hakimi sering kali tenggelam dalam dunianya sendiri. Bersiap ke sekolah pun mampu menjadi medan air mata. Ada masanya aku tewas, suaraku meninggi. Tapi lebih kerap aku menyembunyikan tangis di balik senyuman palsu. Di pejabat, fikiranku terbang pada dia di sekolah, sudah makankah dia? Masih menangis lagikah? Aku cuba berusaha menjadi wanita besi - profesional, berdisiplin, cekap menyelesaikan tugas. Namun deringan telefon dari sekolah sering meleraikan topengku.

“Puan, Hakimi keluar kelas lagi.”

“Puan, nanti bawa meja, kami terpaksa letak Hakimi berasingan.”

“Puan, tolong ambil Hakimi bawa balik, kami tidak dapat uruskan dia.”

Saat itu, aku hanya mampu mengangguk, walau jiwaku sudah luka berdarah. Aku faham, guru juga manusia. Mereka penat. Tapi aku lebih lelah menjelaskan, mempertahankan, menenangkan. Tiadakah ruang di dunia ini untuk insan seperti dia?

Akhirnya, atas nasihat guru yang berpengalaman, Hakimi disyorkan untuk ke sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi setelah mendapat pengesahan daripada Pakar Kanak-kanak. Alhamdulillah, Hakimi kini berada bersama kawan-kawan yang menerima dirinya seadanya. Rakan-rakan istimewa yang sejiwa, guru-guru penuh sabar dan memahami, serta suasana pembelajaran yang tidak memaksa dia untuk menjadi 'normal' seperti orang lain, tetapi meraikan keunikannya dengan kasih dan hormat.

## SRIKANDI

Di sekolah barunya, Hakimi bukan lagi budak yang 'susah dikawal' atau 'mengganggu kelas'. Dia adalah anak kecil yang sedang berkembang dalam ruang yang betul - belajar mengurus emosi, membina keyakinan, dan mengekspresikan dunia dalam kepalanya tanpa takut dihukum. Walau cabaran tetap ada, namun melihat Hakimi pulang dari sekolah dengan senyuman, menunjukkan lukisan yang dibuatnya sendiri dan bercerita tentang kawan-kawannya, itu sudah cukup membuatku tahu - kami sedang melangkah ke arah yang benar. Kadangkala, kedengaran juga suara halus yang tajam menikam hati.

“Anak dia tak macam orang lain.”

“Ibu bapa tak ajar dia adab ke?”

Aku diam, bukan kerana rela, tapi kerana lelah. Dunia hanya nampak senyumku, tak pernah dengar tangis yang aku telan dalam diam. Anak-anak begini akan sentiasa dipandang serong - dilabel sebelum sempat dikenal, dinilai tanpa belas sebelum diberi ruang difahami. Mereka bukan tidak mahu patuh, cuma dunia mereka berbeza.

Ibu seperti aku, hanya mampu berdiri menjadi dinding - melindungi sehabis daya dari panahan pandangan yang tidak mengerti. Perlahan-lahan aku cuba membawanya jauh dari dunia orang lain, agar dia tidak terus dipandang serong.

Malam tadi, sebelum tidur dia bertanya, "Ummy, Hakimi anak syurga ke?" Aku terkedu. Nafasku seolah-olah terhenti.

## SRIKANDI

"Hakimi istimewa. Otak Hakimi macam pelangi - warnanya berbeza, tapi tetap indah. Allah cipta Hakimi dengan cara yang sangat unik, kerana Allah tahu Ummi dan Abi akan sentiasa menyayangi Hakimi."

Dia menghadiahkan senyuman kecil, lalu memelukku. Perlahan, tanganku ditariknya menjadi alas lenanya, berasakan dunia paling selamat baginya. Dalam dakapan kecil itu, aku menangis diam-diam. Tangisan seorang ibu yang lelah tapi penuh cinta. Cinta yang tidak memerlukan syarat, tidak mengharap balasan. Aku tahu, jalan kami bukan jalan mudah. Tapi selagi jantungku berdegup, aku akan terus berdiri untuknya. Dunia boleh menilai, masyarakat boleh mencaci. Tapi aku kenal anakku. Dalam dunianya yang bersimpang-siur, dia sedang membimbingku menjadi manusia sebenar - sabar, tabah, dan penuh harapan.

Ini bukan kisah duka. Ini kisah cinta. Cinta yang tulus, tanpa batas dan tanpa syarat. Cinta antara seorang ibu dan anak istimewanya. Cinta yang akan terus hidup, selagi nyawa dikandung badan.



A woman wearing a light purple hijab and a young child are shown in profile, looking upwards towards a vast, starry night sky. The scene is illuminated by a warm, golden light, possibly from a setting or rising sun, which creates a soft glow around their faces and highlights the texture of the woman's hijab. The background is a deep blue night sky filled with numerous stars of varying brightness.

*DEMI YUZASSIF*  
BINTANG SYURGAKU

NOR AIN JAMALUDIN

# *DEMI YUZASSIF*

# *BINTANG SYURGAKU*

NOR AIN JAMALUDIN

**T**iga buah fail setebal tiga inci itu dipikul. Maheran meniti anak tangga ke tingkat tiga kediamannya. Hari sudah beranjak senja. Sayup-sayup kedengaran azan berkumandang.

Teringat makan malam belum lagi sedia. Anak-anak pun telah diambil oleh suaminya dari rumah pengasuh selepas diingatkan petang tadi. Kalau tidak kerana kelibat wanita di kaki lima pejabatnya tadi, mungkin hari ini Maheran akan lewat lagi pulang ke rumah.

Entah mengapa dia seperti terlihat Kak Anita lalu dengan tergesa-gesa di kaki lima pejabatnya. Waktu begini biasanya sudah tiada orang di pejabat. Terdetik di hati, “Betulkah Kak Anita yang lalu tadi?” Serta-merta bulu romanya meremang. Laju tangan menyambar fail-fail yang masih belum sempurna. Dalam keadaan kalut menuju ke kereta, terasa seperti ada yang mengekori. Terdengar pula sapaan, "Nak balik ke tu?" Maheran tekad tidak mahu menoleh. Dadanya berdebar kencang. Di dalam hati, dia berdoa supaya selamat sampai ke rumah. “Lain kali carilah orang lain kalau nak kacau!”

Gara-gara 'Kak Anita', dia pulang awal hari ini. Pernah beberapa hari, jam sepuluh malam baru selesai tugasan di pejabat. Mujur pengasuhnya, Kak Ani tidak banyak soal. Faham sungguh Kak Ani dengan rutin kerjanya sejak kebelakangan ini. Selesai

makan

## SRIKANDI

makan malam, dia mula menyemak tiga buah fail putih yang dibawa pulang tadi. Masih ada yang tidak lengkap.

Selesai mencetak beberapa dokumen, matanya menangkap susuk anak bongsunya yang sedang ralit bermain kereta kecil di celah-celah fail. Mulutnya muncung mengeluarkan bunyi seperti enjin kereta. Fail-fail kerja Maheran sudah didirikan menjadi pintu gerbang.

“Ya Allah!”

Maheran hanya mampu memandang wajah polos si bongsu. Anak istimewa ini kalau sedang ralit melakukan sesuatu, perlu dibiarkan sampai dia puas. Kalau tidak, bertahanlah menghadapi tangisnya yang berpanjangan.

“Anak puan mempunyai simptom disleksia dan mild autism. Saya harap puan terima dan berlapang dada. Kami akan berikan rawatan yang terbaik untuk Yuzassif.” Kata-kata doktor kembali terngiang-ngiang. Walaupun Maheran telah bersedia untuk itu, tetapi apabila ayat keramat itu didengar, hancur luluh perasaan seorang ibu.

Suatu hari Maheran dipanggil Puan Suhaila, ketua cawangan-nya. Nama Maheran dicadangkan untuk kenaikan pangkat. Itulah impiannya selama ini - bergelar pengurus cawangan. Serta-merta ingatannya terbang kepada si anak syurga. ‘Jawatan pengurus atau Yuzassif?’

Yuzassif adalah amanah dan anugerah terbesar yang Allah berikan kepada Maheran dan suaminya, Hafiz. Anugerah tidak ternilai. Sekiranya dia terima tawaran itu, dia perlu ditukarkan ke

cawangan

## SRIKANDI

cawangan utara. Sedangkan Yuzassif sedang berada di kelas Program Pendidikan Khas Intergrasi atau PPKI bagi anak-anak istimewa. Sukar untuk mencari sekolah yang menawarkan program ini. Tambahan pula, Yuzassif perlu melalui rawatan susulan setiap bulan di hospital dan berjumpa pakar untuk memantau perkembangannya.

Pulang dari pejabat hari itu, Maheran merenung Yuzassif. Anak ini dahulunya tidak boleh bertutur walaupun telah berusia enam tahun. Kini dia sudah mula fasih, namun adakalanya dia masih terkial-kial mencari perkataan untuk dilafazkan.

"Ibu, semut jatuh bangunan berapa tingkat baru boleh mati?"

"Ibu, *you know about suicide forest. The person who gets in, never gets out.* Ibu nak pergi situ tak?"

"Ibu, *did you know the temperature of liquid nitrogen?*"

Dalam keadaannya begitu, Maheran menyedari Yuzassif punya kelebihan yang patut disyukuri. Soalan dan pengetahuannya kadang-kadang tidak terjangkau dek akal dewasa.

Maheran nekad, biarlah dia melepaskan jawatan itu. Demi anak-anak terutamanya Yuzassif yang kini sudah menginjak usia sepuluh tahun. Yuzassif masih perlu dibimbing dan perlu diingatkan tentang perkara-perkara penting malahan perkara rutin saat dia terlupa. Namun begitu, anak bertuah ini sangat menjaga soal solat. Sejuk hatinya. Impian Maheran, Yuzassif mampu menjadi imam solatnya kelak, berganti-ganti dengan si ayah. Tiada yang mustahil jika Allah SWT mengizinkan.




## SRIKANDI

"Ibu ... ." Sayup-sayup suara itu kedengaran. Kantuk Maهران masih tersisa. Penat pulang dari kerja tadi, dia terlena seketika. Dia memandang wajah Yuzassif yang sedang tersenyum. Siap dengan kopiahnya.

"Dah pukul 5.00 petang ni, ibu. Kita belum solat asar lagi."





*DISEBALIK*  
**SENYUMAN ITU**

KHALILAH MUHAMAD

# *DI SEBALIK SENYUMAN ITU*

KHALILAH MUHAMAD

**D**alam dakapan subuh yang hening, Karmila memulakan harinya dengan munajat panjang memohon diberikan kekuatan untuk meneruskan hari-hari mendatang. “Alhamdulillah, syukurku kepada-Mu kerana masih dikurniakan nafas kehidupan.”

Karmila, 41 tahun, merupakan seorang ibu tunggal. Sejak arwah suaminya meninggal dunia tiga tahun lalu akibat kemalangan, dialah tunggak keluarga. Dia bukan sahaja menjadi ibu yang penyayang, tetapi juga bapa yang tegas, penyokong setia dan pelindung yang tidak pernah alpa terhadap semua buah hati bersama arwah suami tercinta.

Namun, tiada siapa yang tahu, dalam diam dia sedang bertarung nyawa cuba mencari secebis kekuatan di sebalik tubuhnya yang semakin melemah. Karmila menghidap penyakit lupus iaitu penyakit auto imun yang menyebabkan keletihan melampau, sendi membengkak dan kadangkala serangan ke organ dalaman. Setiap kali sesi rawatan di hospital, doktor menasihatinya untuk berehat, mengurangkan tekanan dan mengelakkan cahaya matahari yang terik. Tapi mana mungkin untuk dia berehat. Siapa mahu membayar sewa rumah, belanja sekolah anak, ubatan-ubatan dan makan minum harian mereka anak-beranak?

## SRIKANDI

Anak-anak semakin membesar, belanja hidup kian meningkat ditambah pula dengan keadaannya yang kerap berulang-alik ke hospital, semakin membimbangkan Karmila. Arwah suaminya hanya meninggalkan sebuah kereta Wira lama serta sebuah mesin jahit sebagai sumber penyambung rezekinya.

Setiap pagi, seusai menghantar anak ke sekolah, Karmila ke kilang jahit tempat dia bekerja. Petang, dia sambung menjahit di rumah sekadar menambah rezeki. Kadang-kadang, dia makan ubat tanpa sempat mengisi perut. Hanya satu perkara yang memotivasikannya – senyuman anak-anak.

“Rayyan, jangan lupa selesaikan semua kerja sekolah dan ulangkaji sebelum pukul 9.30 malam ya. Tidur awal,” pesan Karmila sambil menjahit lengan baju kurung tempahan pelanggannya.

“Baik, ibu,” Rayyan patuh. Dia tahu ibunya penat, jadi dia cuba menjadi ‘hero kecil’ di rumah – membantu menguruskan adik, mengemas dan belajar bersungguh-sungguh.

Namun, suatu pagi, tubuh Karmila akhirnya tewas. Di tempat kerja, dia tiba-tiba pitam dan rebah. Rakan sekerjanya panik dan terus membawa Karmila ke hospital. Rayyan dipanggil ke pejabat sekolah, penolong kanan memaklumkan keadaan ibunya dan membawa Rayyan melawat ibunya di hospital.

Di rumah, malam itu sunyi. Rayyan memasak nasi dan telur goreng untuk Yana, satu-satunya adik yang dia ada. Jiran sebelah, Puan Fatimah, datang membawa lauk dan membantu mereka sekadar yang termampu. Malam itu, Rayyan termenung di birai tingkap sambil memandang ke langit. Air matanya jatuh tanpa disedari. “Ibu ...”



Beberapa minggu selepas kejadian itu, Karmila membuat keputusan besar. Dia terpaksa berhenti kerja di kilang dan mula mengambil upah menjahit dari rumah sepenuh masa. Pendapatan memang tidak menentu dibandingkan gaji yang diperolehi dari kilang jahitnya sebelum ini. Tetapi sekurang-kurangnya kesihatannya lebih terjaga dan yang lebih penting, dia masih boleh memeluk anak-anaknya setiap malam.

Rayyan pula semakin matang. Dia sering bertanya tentang penyakit ibunya, membaca buku-buku perubatan dan bercita-cita mahu menjadi doktor. “Insyallah, suatu hari nanti, Rayyan sendiri yang akan rawat ibu,” ujarnya dengan begitu bersungguh-sungguh.

Karmila tersenyum. Kali ini senyuman penuh syukur dan bahagia. Dia tahu hidup mereka tidak diselimuti kemewahan, tetapi cukup dengan kasih sayang sebagai penguat semangat untuk mereka terus bertahan. “Ya Allah, Engkau rezekikan sedikit sinar di penghujung hidupku dan berkatilah zuriat keturunanku.”

Hari raya semakin hampir, bunyi mesin jahit lama peninggalan suaminya berdengung sejak pagi membawa ke malam. Di sudut ruang tamu sempit itu, Karmila tekun menyudahkan tempahan pelanggan. Tangan kirinya kadang bergetar – petanda tubuhnya sudah lama tidak cukup rehat. Namun, senyumnya tetap ada.

Di sebelah meja, Rayyan dan Yana sedang tekun mengulang kaji pelajaran. Mereka berdua sedar, hanya dengan ilmu akan dapat mengubah nasib mereka sekeluarga.

Dalam diam, Karmila menitipkan doa dalam sujudnya malam itu, “Ya Tuhanku, janganlah kau ambil kekuatan ini selagi anak-anakku belum mampu berdiri sendiri. Bantulah aku mengharungi setiap onak dugaan ini, berilah aku secebis ketabahan dan hanya kepada-Mu aku serahkan takdir hidupku, Ya Rabb.”



*KALI*  
TERAKHIR

NOOR FAIZAH YAHYA

# *KALI*

# *TERAKHIR*

NOOR FAIZAH YAHYA

Panggilan telefon beberapa hari lalu bermain-main di dalam fikiranku. Mak bertanyakan khabar mengapa aku sudah lama tidak pulang ke kampung. Biasalah orang tua-tua, kadang-kadang tidak ingat atau tidak faham meskipun sudah berkali-kali diberitahu.

“Mak, sekarang ni covid tak boleh merentas daerah, sebab tu tak boleh balik.”

“Oh, tak apalah kalau macam tu,” balas emak.

Selang beberapa hari, mak telefon lagi bertanyakan perkara yang sama. Terlintas idea, aku perlu balik jemput mak. Setelah berbincang dengan suami dan adik-beradik, aku mengisi borang permohonan merentas daerah menuju ke Balai Polis Hi-Tech Kulim dengan seribu pengharapan. Alhamdulillah, permohonanku diluluskan.

Pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aku bekerja dari rumah tetapi untuk meluangkan masa pergi ke kampung yang mengambil masa sejam perjalanan, aku memohon cuti. Kami tinggalkan anak sulung yang berusia 13 tahun untuk menjaga tiga orang adiknya.

Sampai di kampung, kakak dan abangku telah menyediakan beg pakaian dan ubat-ubatan mak. Perjanjian dengan mak adalah perlu

duduk di

## SRIKANDI

tinggal di Kulim selama dua minggu. Aku katakan pada mak, polis tidak benarkan untuk kerap keluar.

Perjalanan lebih sejam amat meletihkan bagi mak yang berusia 84 tahun. Entah kenapa, aku rasakan ini mungkin kali terakhir mak datang ke rumahku.

Gembiranya apabila mak, syurgaku ada bersama. Abangku yang berada di Alor Setar membuat kiriman pos buah mangga harumanis. Emak minta aku masakkan pulut. Aku siapkan sarapan lebih awal kerana pada jam 8.00 pagi ada kelas secara dalam talian. Aku hidangkan pulut mangga di atas meja bulat untuk emak bersarapan.

Seusai kelas, mak bertanya kenapa aku bercakap seorang diri. Sambil tersenyum aku jelaskan, “Sekarang ni musim covid, tak boleh pergi ke mana-mana. Kena buat kelas online, pelajar boleh saja dengar. Cucu-cucu mak pun macam inilah cara belajar.” Mak mengangguk seperti faham.

Mak wanita kampung yang tidak mendapat pendidikan formal kerana usia remajanya adalah pada zaman pendudukan Jepun yang banyak menidakkan hak rakyat. Tapi mak cukup sempurna di mataku yang berjaya mendidik kami adik-beradik dengan baik. Hari ini, giliran kami pula berbakti kepada mak.

Rutin saban hari pada musim PKP, aku bangun awal menyediakan sarapan dan makan tengah hari sekaligus. Sebagai wanita bekerjaya, tanggungjawab terhadap organisasi dan amanah sebagai pensyarah tetap perlu diteruskan. Begitu juga tugas-tugas yang berkaitan seperti menanda tugas, mengisi markah di dalam sistem SPMP dan juga tugas lain yang diberikan dari semasa ke semasa harus dilaksana sebaik mungkin walaupun dari rumah.

## SRIKANDI

Dalam masa yang sama, aku juga perlu memastikan anak-anak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru mereka. Apabila mak ada, tanggungjawabku bertambah dengan menyediakan makan minumannya dan yang lebih penting adalah memastikan mak mengambil pelbagai jenis ubat mengikut masa yang ditetapkan. Mak pun sudah tidak kuat, aku perlu menyorong emak menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Aku juga akan tunggu mak mandi, risau jika mak jatuh. Untungnya, rumah setingkat kami memudahkan lagi pergerakan kerusi roda. Aku juga memohon izin suami untuk tidur bersama-sama mak kerana mak akan bangun untuk ke tandas pada waktu malam. Mak tidak selesa memakai lampin dewasa, maka kami adik beradik memutuskan 24 jam kami akan menjaga mak mengikut giliran.

Apalah sangat pengorbananku untuk tempoh singkat ini berbanding abang dan kakak yang menjaga mak sudah sekian lama. Hikmah PKP, aku berpeluang menjaga mak walaupun sekejap. Mak juga tidak betah untuk berlama-lama di tempat lain, rumah pusaka juga yang dirindukan. Tidak sampai dua minggu, mak beria-ia ingin pulang semula ke kampung.

Perkara yang paling meruntun hatiku adalah tiga bulan selepas itu emak telah dijemput Ilahi asbab covid yang langsung tidak kami duga. Firasatku mak datang ke rumahku untuk kali terakhir benar-benar berlaku. Tiada lagi insan bernama mak. Hanya kenangan yang ditinggalkan. Al-fatimah buat mak kecintaan kami.



# LANGKAH IBU LANGIT ANAK

SHARIPAH KHADIJAH S. HASHIM



# *LANGKAH IBU LANGIT ANAK*

SHARIPAH KHADIJAH S. HASHIM

**B**ukan dia bidadari turun dari mahligai sutera,  
bukan pahlawan berpedang di gelanggang sejarah,  
hanya seorang ibu,  
kaki mengukir denai, tangan menjahit fajar,  
genggam harapan di kiri, pikul dunia di kanan.

Pagi itu bukan wangi kopi di serambi,  
tapi sepasang kasut hilang di celah kesibukan,  
tangisan tercegat di pintu tadika,  
dan detik jam yang enggan menunggu.

Di ruang ilmu, dia tegak bagai batu karang,  
senyumnya sulaman rahsia,  
separuh tabah, separuh rindu,  
pada pintu taska yang masih berbisik nama.

Malam bukan peraduan,  
tapi medan sunyi tanpa gaji,  
lipat masa, jahit nasib,  
teliti bait-bait pelajaran yang belum kering tinta.

Semua itu sumpah bisu,  
dari rahimnya pada dua cahaya mata,  
yang kelak akan menyingsingkan mentari.

## SRIKANDI

Kini mereka bukan lagi bayang comel,  
yang disuap nasi, dibelai di ribut subuh.  
Mereka tegak di menara gading,  
dua aliran berbeza rentak.  
Seorang mengatur angka,  
simfoni sifir, sempoa bernyawa.  
Seorang lagi mendamba denyut nadi,  
mengurai cerita insan dan kemanusiaan.  
Berbeza jalan, tapi satu kompas,  
mengukir erti di bumi yang ganas.

Ibu itu ...  
letih tak pernah dihitung,  
wang ringgit, masa, keringat,  
semua mengalir seperti sungai,  
tanpa pernah menagih muara.

Yuran dibayar sebelum hujan,  
buku dihantar sebelum pintu tertutup,  
perut dikenyang walau dinding memisah.  
Semua demi satu harapan yang tak terucap,  
agar langit mereka lebih luas,  
dan jalan mereka tak seberat tapak jarinya dahulu.

Kini dia memandang dari jauh,  
diamnya tasbih, syukurnya ghaib.  
Dia bukan mahu pujian atau tugu,  
cuma ingin dua sayap yang dulu dia latih terbang,  
tinggi menjulang awan.  
Dia tidak meminta balasan,  
cukuplah langit anak-anaknya biru tanpa awan.



*LARUT DALAM*  
**EMOSI**

SHAKIRAH ANUAR

# *LARUT DALAM EMOSI*

SHAKIRAH ANUAR

**P**enat!

Inilah perkataan yang dapat menggambarkan perasaan aku ketika itu. Lelah mengendalikan program yang menelan perbelanjaan besar dan memerlukan pengorbanan masa yang bukan sedikit.

Aku jadi marah kerana beranggapan rakan-rakan sekerja seperti tidak memahami keadaanku yang penat mental dan fizikal. Bukannya aku tidak faham bahawa semua orang pun ada urusan dan tugas mereka sendiri, namun aku kira seharusnya perlu untuk sama-sama berganding bahu memikul tanggungjawab yang sebesar ini.

Sudah lebih empat tahun pada kiraanku, memegang tugas yang sama. Bosan dan letih membuat kerja yang sama. Tambahan pula, tugas yang satu ini kadangkala memerlukan aku untuk dahulukan wang sendiri. Bukanlah berkira cuma jika setiap kali begini, tambahan lagi di hujung bulan, jenuh juga. Tugas ini turut memerlukan aku untuk memantau bukan sahaja pelajar malah pensyarah juga. Ini bagi memastikan sejauh mana gerak kerja setiap pasukan berjalan lancar.

## SRIKANDI

Masuk tahun ke lima, tugas ini masih aku galas. Timbul rasa segan apabila masuk mesyuarat, jabatan lain sudahpun bertukar penyelarasan sedangkan aku masih kekal di posisi ini. Amanah yang disambut dengan senang hati lama-kelamaan bertukar seolah-olah beban yang perlahan-lahan memakan diri. Hendak diluahkan, tidak tahu kepada siapa. Risau dikatakan berkira kerja sedangkan hakikatnya bukanlah begitu. Aku hanya mahu didengari!

Kemarahan aku memuncak sehari sebelum program besar itu berlangsung. Aku terlalu penat. Aku menangis semahu-mahunya lalu mencapai kunci kereta. Aku memandu laju. Sebelumnya, sempat aku tulis pesanan ringkas di aplikasi WhatsApp, “Kalau tak jumpa saya dalam tempoh tiga hari, mohon untuk buat laporan polis. Esok saya cuti.” Beberapa minit selepas itu, bertalu-talu panggilan masuk namun tidak aku hiraukan. Aku terus memandu dengan air mata yang mengalir laju.

Aku berhenti di sebuah masjid untuk menunaikan solat asar dan rehat. Aku berfikir-fikir, ke mana aku hendak pergi? Pulang ke rumah? Oh, tidak! Rumah hanya menyebabkan aku akan bertambah penat. Di tempat kerja begini, di rumah pula begitu. Arghhh! Sungguh, aku penat dengan semua ini. “Ya Allah, ke mana harus aku tuju? Apa perlu aku buat? Tolong aku, ya Allah.”

Aku tidak mahu ada apa-apa perhubungan sosial dengan mana-mana orang buat masa ini. Aku *check in* di sebuah hotel. Telefon pintar aku matikan. Sempat aku singgah di sebuah *hypermarket* untuk membeli sepasang pakaian, roti dan seutas tasbih. Hari pun sudah menginjak malam. Aku berehat semahu-mahunya.

## SRIKANDI

Tiba-tiba aku teringat pada suami yang pastinya sedang cemas mencari isterinya ini. Aku tuliskan pesanan ringkas untuknya, “Jangan cari saya, insya-Allah saya okey.” Malam itu hujan lebat. Dalam pada melayan rajuk yang entah pada siapa, hatiku tetap teringat tentang program penting yang akan berlangsung pada esok hari. Kasihan pelajar-pelajar yang sudah bertungkus-lumus membuat persiapan. Ah! Aku yang terlalu menurutkan perasaan.


Keesokan harinya, sebelum check out dari hotel, aku kuatkan hati untuk membuka semula telefon. Nah! Berjujuk panggilan tak berjawab dan mesej daripada rakan-rakan. Aku terkesima.

Mereka memujuk aku dan memberikan kata-kata semangat. Aku terharu. Aku malu. Tetapi sungguh, aku teramat letih. Jika tidak kerana kejadian ini, mereka pun mungkin tidak akan tahu yang selama ini aku sedang memendam rasa. Hikmahnya juga, baru aku sedar yang ramai rakan sebenarnya mengambil berat dan peduli padaku. Aku saja yang tidak nampak semua ini dek kerana larut melayan rasa hati.

Maafkan aku. Aku hanya seorang wanita yang berusaha untuk menjadi kuat namun ada ketikanya aku rebah. Aku hanya ingin berjuang demi amanah dan tanggungjawab, tetapi kadangkala emosi yang cuba dipujuk, meledak jua.

Kini, apabila berpaling semula ke belakang, aku melihat jasad seorang wanita yang masih bertatih membetulkan diri. Aku mahu terus memandang ke hadapan dan melangkah menjadi seorang wanita matang yang lebih bijak menjinakkan emosi.

Semoga setiap wanita yang teruji akan terus tabah mengharungi cabaran untuk hari-hari mendatang. Yakinlah, Allah sentiasa ada bersama walau dalam apa jua situasi.



# LELAH

WAN NOR SARIZA WAN HUSIN

# LARUT DALAM LELAH

WAN NOR SARIZA WAN HUSIN

Jam di dinding menunjukkan pukul 11.00 malam. Rumah sunyi, seolah-olah memahami kelelahan penghuninya. Maisarah meletakkan beg tangan di atas meja, membuka tudung dan berjalan terus ke dapur. Sisa makan malam masih belum berkemas dan tangannya terus lincah membersihkan pinggan mangkuk dan meja makan. Mata terasa berat, tetapi hati masih dipaksa untuk bertahan.

"Sarah, dah lewat ni, rehatlah dulu," suara Hisham kedengaran dari ruang tamu membuat Sarah sedikit terkejut. Sarah berpaling sambil tersenyum. "Sekejap bang, nak habis dah ni. Nanti semut penuh di sinki dan meja makan ni kalau tak dibersihkan terus. Esok lagi penat."

Hisham menghampiri sambil memicit bahu Sarah. "Awak nampak letih sangat ni. Wajah awak pun dah pucat. Empat hari berturut-turut awak balik lewat."

Sarah menunduk. "Projek tu besar, bang. *Deadline* makin dekat. Kalau tak jaga sekarang, nanti semua kerja tak berjalan seperti yang diharapkan." Dalam hati Sarah hanya satu yang terdetik, takut-takut bos tak puas hati dan ada perkara yang dia terlepas pandang.

## SRIKANDI

"Awak dah jaga semuanya, sayang. Tapi siapa yang akan jaga awak?" Hisham memandangnya tanpa berkelip. Sarah tidak menjawab, dia tahu apa yang suaminya katakan adalah benar, tetapi rasa bersalah yang selalu membayangi diri Sarah yang takut dianggap tidak cukup baik, tidak cukup cekap, tidak cukup sempurna, lebih mendominasi. Inilah sikap Sarah sejak awal bekerja sampai sekarang.

Pagi Jumaat, Sarah tiba-tiba rebah di dapur. Pinggan dan mangkuk yang dibawanya terhempas ke lantai, pecah berkecai. Hisham yang sedang bermain dengan anak-anak di luar rumah berlari masuk. "Sarah!" jeritnya panik. "Bangun Sarah, bangun," jeritnya sambil menggoncangkan badan Sarah tapi tiada tindak balas. Dia terus mendukung isterinya yang tidak sedarkan diri dengan wajah yang pucat lesi. Nafas Sarah kedengaran pendek, tubuhnya lemah. Anak-anak menangis ketakutan melihat keadaan umi mereka yang lemah longlai tanpa sebarang reaksi itu.

"Puan Sarah mengalami keletihan yang melampau. Tekanan darahnya rendah dan badannya kekurangan rehat yang serius. Kalau berterusan begini, dia boleh mengalami kerosakan organ atau kemurungan kronik."

Hisham menggenggam tangan isterinya yang masih lemah di katil. "Sarah ... awak tak perlu buat semua sendiri. Masih ada orang lain yang boleh membantu." Sarah membuka mata perlahan-lahan. Air matanya mula mengalir.

## SRIKANDI

"Apa lagi yang saya boleh buat, bang? Kalau saya tak kejar kerja, orang akan kata saya tak ada cita-cita. Kalau saya tak sempurna di rumah, orang kata saya isteri tak bertanggungjawab. Saya perlu nampak sempurna biarpun saya tak mampu. Saya cuma mahu buat yang terbaik." Hisham tunduk, tidak dapat menyembunyikan air jernih yang mengalir laju di pipinya. "Kerana awak cuba buat semua ... awak hampir kehilangan diri sendiri."

Dua minggu kemudian, Sarah membuat keputusan besar dalam perjalanan kehidupan dan kerjayanya - menulis surat perletakan jawatan. Dia memilih untuk berehat, menghilangkan semua lelah yang ada dan menilai semula apa ertinya sebuah kejayaan. Dia mahu memberi ruang untuk diri sendiri sembuh, fizikal dan jiwa. Sokongan suami tersayang membuatkan Sarah nekad untuk lebih menyayangi diri sendiri dan keluarga.

Suatu petang, Sarah duduk di balkoni rumah, ditemani cahaya senja yang indah dan secawan teh bersama kuih karipap sardin kegemarannya. Puteri kecilnya, Aleeya, memeluk pinggangnya sambil bertanya, "Umi dah tak pergi kerja lagi?" Sarah tersenyum sambil mengusap lembut rambut anaknya. "Umi kerja juga, sayang. Tapi kali ni, umi kerja untuk menjaga hati umi ... supaya lebih kuat untuk jaga Aleeya dan abang." Aleeya tersenyum manja.

"Umi dah cantik balik."

Sarah ketawa kecil, lalu menatap langit yang luas berwarna jingga. Di dalam hati, dia tahu dia tidak gagal. Dia cuma manusia biasa yang memilih untuk tidak terus memendam lelah... dan baginya, inilah keberanian yang sebenar.



# MAMA IDOLA KAMI

CHARANJEET KAUR AMTAR SINGH



# *MAMA IDOLA KAMI*

CHARANJEET KAUR AMTAR SINGH

**J**am berdetik memecah sunyi dinihari. 4.00 pagi.

Dia bingkas bangun. Hanya kedengaran deru angin kipas siling bersama degup jantungnya yang berdetak hendak melakar cerita hari baru yang menjelma. Rutin yang sama tetap setia menanti. Tanpa noktah. Tanpa rungutan.

Namanya Nurul. Seorang isteri dan ibu kepada dua cahaya mata. Anak kepada ibu yang sedang uzur di kampung. Menantu yang tinggal sebumbung. Juga pensyarah yang setia mendidik tanpa jemu.

Sebelum jam 6.00 pagi, dapur sudah pun berasap. Suaminya perlu ke tempat kerja awal, anak-anak perlu bersarapan. Bekal makanan harus disiapkan sebelum dia bergerak meninggalkan rumah seawal jam 6.30 pagi. Tangannya sibuk menyusun bekal buat insan tersayang, namun mindanya sudah berkelana ke dewan kuliah, bersedia untuk memulakan misi mencurahkan ilmu.

Di pejabat, Nurul dikenali sebagai pensyarah yang berdedikasi. Tegas tetapi lembut, garang tetapi penyayang. Pelajarnya menyukai gaya pengajarannya yang ringkas, padat dan mudah difahami. Namun, tiada siapa tahu kadangkala Nurul berdiri di hadapan kelas

## SRIKANDI

sambil menahan sakit-sakit badan atau masuk ke kelas tanpa tidur yang cukup kerana berjaga malam merawat anaknya yang demam.

Petang, tiada istilah rehat untuknya. Pulang ke rumah bukan untuk bersantai-santai, tetapi menyambung ‘shift kedua’. Menguruskan anak-anak ke kelas tuisyen, mengemas rumah, menyediakan makan malam, membasuh dan menyidai pakaian dan menyemak kerja sekolah anak-anak. Seseekali dia menjenguk bilik ibu bapa mertua yang uzur, memastikan ubat diberi mengikut waktu. Dalam kesibukan itu, dia masih sempat menjawab mesej pelajar yang bertanya tentang tugas atau topik kuliah.

Pernah suatu malam, dia terlelap di atas laptop. Suaminya menyelimutkan tubuhnya lalu berbisik perlahan, “Maafkan abang ... tak mampu nak ringankan semua beban sayang.” Nurul hanya senyum. Dia tidak pernah meminta simpati. Dia cuma ingin difahami bahawa beginilah pengorbanan hidup seorang wanita.

Kadangkala, dia terasa hilang identiti. Bila kali terakhir dia urus diri sendiri? Bila kali terakhir dia duduk diam tanpa memikirkan siapa perlu makan, siapa perlu mandi, siapa perlu dihantar ke klinik?

Namun, apabila dia memandang anak-anak tidur lena di biliknya, melihat senyuman ibu dan bapa mertua selepas makan, meluangkan masa menjenguk ibu yang uzur di kampung dan ketika suaminya menggenggam tangan sambil berbisik, “Terima kasih, sayang.” - dia tahu semua ini amat berbaloi dan segala pengorbanan ini akan membuahkan hasil suatu hari nanti.

## SRIKANDI

Dia bukan wanita sempurna. Kadangkala emosinya meledak, kadangkala dia terlepas marah. Tapi dia sentiasa cuba untuk memberi yang terbaik. Walaupun penat, dia tetap bangkit. Walaupun letih, dia tetap menghadiahkan segaris senyuman.

Dia tiada gelaran istimewa. Tapi di rumah, dialah ‘pakar’ serba-serbi. Di pejabat, dia cuba menjadi seorang pendidik hebat. Di hati semua, dia mahu menjadi tonggak kasih sayang dan sumber kekuatan.

Dia mahu menjadi srikandi - yang sabar dalam diam, yang kuat tanpa didendang, yang memberi tanpa berkira dan yang mencintai tanpa syarat.

Jika suatu hari nanti orang bertanya, siapa idola pelajar-pelajarnya, dia berharap mereka akan menjawab tanpa ragu-ragu, “Puan Nurul.”

Anak-anaknya pula akan berkata dengan bangga, “Mama idola kami!”

Inilah kejayaan dan kebahagiaan yang dia impikan. Dia tidak perlukan pengiktirafan yang tinggi, cukup inilah yang dapat membayar harga pengorbanannya selama ini.





# MELANGKAH PULANG

NOR FARAHAIN DZULKAFLI

# MELANGKAH PULANG

NOR FARAHAİN DZULKAFLI

**S**ejak dinaikkan pangkat sebagai jururawat di hospital kerajaan di utara tanah air, Aina jarang sekali dapat pulang ke kampung halaman disebabkan amanah tugas yang digalas. Sedang dia asyik mengelamun di stesen bas dia tersentak apabila namanya dipanggil. Dia berpaling lalu terlihat sosok ayahnya yang semakin dimamah usia.

”Ayah!” Aina terjerit kecil. Dia berlari-lari anak menuju ke arah ayahnya. ”Ayah sihat?” soal Aina sambil menghulurkan tangan untuk bersalaman.

”Alhamdulillah, sihat. Kamu sihat? Kenapa nampak makin susut ni?” soal Pak Karim.

”Aina sihat je ayah, cuma sekarang diet sikit,” balas Aina disertai tawa kecil.

”Rugilah diet, hari ni mak kamu masak lauk kegemaran kamu,” ujar ayahnya. Aina tersenyum mendengarnya. “Dah jom kita balik, mak kamu dah tunggu tu.”

## SRIKANDI

Setibanya di rumah, dari jauh kelihatan emaknya, Mak Salmah sedang menyapu daun kering di halaman rumah. “Assalamualaikum, mak ... ,” Aina girang menyapa. “Walaikumussalam, Alhamdulillah, kamu dah selamat sampai,” jawab emaknya segera memeluk Aina sambil menahan tangis. “Mak, Aina kan sudah selamat sampai ni,” pujuk Aina.

”Sudah, jom kita masuk. Dah hampir waktu maghrib ni,” Pak Karim segera mencelah.

Seusai solat maghrib, Aina turun ke dapur rumah, membantu emaknya menghidangkan makan malam. ”Ayah dan Farhan dah balik dari masjid ke mak?” tanya Aina. Farhan merupakan adik bongsunya yang masih menuntut di sekolah menengah. ”Belum lagi, sebentar lagi sampailah tu,” jawab Mak Salmah. Tidak lama kemudian, kedengaran bunyi motor masuk ke pekarangan rumah.

”Sedapnya lauk gulai ni. Bilalah Aina dapat belajar masak dengan mak ni,” puji Aina sambil menambah kuah gulai di hadapannya.

”Kamu kenalah selalu balik kampung lepas ni, mak ajarkan,” balas mak Salmah.

”Awak ni, anak tu kan sibuk. Susah dia nak balik selalu,” Pak Karim mencelah. Mak Salmah hanya diam membisu.

Keesokan harinya, Aina perlu pulang semula ke Kedah. ”Mak, ayah, Aina balik dulu ya. Insyallah cuti nanti Aina balik lama sikit,” ujar Aina sambil menghulurkan tangan untuk bersalaman.

## SRIKANDI

”Kamu jaga diri ya, selalu telefon mak. Berat rasa hati ni nak lepaskan kamu pergi,” ujar Mak Salmah sambil mengesat air mata dengan hujung lengan bajunya. Aina lantas memeluk dan memujuk emaknya. Aina juga sempat berpesan agar emak dan ayahnya sentiasa menjaga kesihatan. Dia segera menaiki bas dan melambai ke arah kedua-dua orang tuanya sehingga hilang daripada pandangan.

Dalam perjalanan pulang Aina melemparkan pandangan ke arah langit ungu. Aina teringat perbualan dengan adiknya malam tadi. ”Kak, mak sebenarnya tak berapa sihat. Bacaan darah dan kencing manis dia tinggi,” Farhan bersuara sambil mereka duduk di anjung rumah. ”Allahuakbar, kenapa tak bagitau akak?” terkejut Aina mendengarkannya. ”Mak pesan jangan bagitau, dia tak nak akak risau,” jelas Farhan. Aina hanya diam membisu. Dadanya terasa berat sekali.

Aina sibuk sejak pagi hingga ke petang. Hari ini wad penuh dengan pesakit sehingga dia belum sempat menjamah makanan. Dia baru berkesempatan untuk melihat telefon bimbitnya. ”Banyaknya miss called dari Farhan,” bisik Aina. Tanpa membuang masa dia terus menelefon Farhan. Tidak begitu lama telefon berdering kedengaran suara Farhan dihujung talian. ”Kak, mak masuk hospital,” Farhan bersuara cemas. Aina terasa kaku mendengarkannya. Hal yang paling dirisaukan terjadi juga. Tanpa berfikir panjang Aina segera memohon cuti kecemasan dan bersiap untuk pulang ke kampung halaman.


Sepanjang perjalanan dia hanya mampu berdoa agar Allah menyembuhkan emaknya. ”Maafkan Aina, mak ... ,” bisiknya perlahan. Rasa gagal melennya perlahan-lahan. Dia menjaga puluhan pesakit saban hari, tetapi apabila emaknya sendiri perlukan

## SRIKANDI

penjagaannya, dia tiada di sisi. Hatinya dipagut rasa bersalah, namun sedikit lega setelah menerima pesanan ringkas daripada adiknya. ”Doktor kata mak stabil. Akak jangan risau.”

Alhamdulillah. Dia masih ada masa untuk pulang. Aina berharap dia masih punya kesempatan untuk berbakti kepada orang tuanya. Semoga pengorbanannya berkhidmat dengan ikhlas dipandang Allah sebagai tanda cintanya pada emak, ayah dan keluarganya.





MENJADI SRIKANDI  
BIJAK

ROZANA ABD RAHMAN

# *MENJADI SRIKANDI BIJAK*

ROZANA ABD RAHMAN

**S**eleasai membeli barang-barang tambahan untuk mendaftar anaknya di IPTA esok, Aina dan keluarganya terus bergerak ke hotel. Sambil mengira-ngira perbelanjaan yang telah dia dan suami belanjakan sejak akhir-akhir ini, Aina memeriksa baki duit yang masih ada melalui BIMB Mobile.

Terkejut dan gembira rasanya! Alhamdulillah, cepat juga proses tuntutan, tidak sampai seminggu. Pengeluaran duit 80% daripada Takaful Pendidikan telah diterima.

Syukur, hasil membayar sumbangan RM90 sejak anak berusia dua tahun telah menampakkan hasil. Aina mula mencongak, duit sebanyak RM12,500 itu akan dibelanjakan untuk keperluan apa sepanjang proses pembelajaran anaknya nanti. Baki 20% dan hasil bayaran sumbangan seterusnya hingga anak berusia 25 tahun akan diperolehi tujuh tahun lagi. Mungkin duit ini pula akan digunakan untuk menampung majlis perkahwinan anak lelakinya itu kelak. Aina tergelak kecil, jauh lagi perjalanan. Namun, tidak salah kita merancang dari awal.

## SRIKANDI

Kadang- kadang Aina terfikir, adakah adik-beradik dan rakan-rakannya mengambil atau tidak polisi perlindungan untuk diri dan keluarga mereka? Aina sedar, ramai juga yang mengabaikan keperluan perlindungan ini. Ya, perlindungan insurans atau takaful bukanlah produk yang kita beria-ria cari. Mungkin ada perunding yang datang menerangkan dengan jelas tetapi ada segelintir daripada kita akan menolak atau melarikan diri daripada mereka. Bagi Aina, itu satu tindakan yang rugi! Sekurang-kurangnya, dengarlah. Kutip ilmu tentang pengurusan risiko dan kewangan.

Aina teringat seorang kawan pernah berkata, “Nak berhentilah polisi ni, asyik bayar saja tapi tak dapat apa-apa pun.” Bagi Aina yang ada sedikit ilmu pengurusan risiko, boleh faham dengan jelas yang kawannya belum memahami erti takaful, jenis produk atau manfaat yang diambil selama ini. Bukan sedikit individu yang tidak tahu jenis polisi dan manfaat perlindungan yang diambil. Apabila caruman bulanan bertambah, kita akan marah kerana kos akan bertambah.

Pelbagai produk yang ada di pasaran. Kaji dan pilihlah mengikut keperluan dan kemampuan kita. Aina sendiri pernah tersilap memilih produk daripada syarikat insurans sedangkan dia fokus untuk mendapatkan produk daripada syarikat takaful. Puncanya kerana wujud perunding yang kurang jujur dan Aina pula masih cetek ilmu dan malas untuk membuat sedikit bacaan ketika itu.

Tiba-tiba, Aina teringat kisah lama sepupunya, Zara. Suami Zara telah meninggal dunia dalam satu kemalangan. Malang tidak berbau, suami Zara belum sempat memiliki sebarang polisi perlindungan atau hibah yang dapat membantu keluarganya jika berlaku sebarang musibah. Zara terpaksa bekerja keras untuk menanggung dua anaknya yang masih kecil.

## SRIKANDI

Disebabkan kisah Zara, Aina mendorong suaminya untuk memastikan setiap anak ada polisi perlindungan diri. Ada orang, suami yang lebih celik kewangan, ada yang sebaliknya. Terpulang, namun suami isteri perlu saling menyokong dan bijak dalam mencorak perbelanjaan keluarga.

Aina bukanlah perunding kewangan, namun pengurusan kewangan sangat dekat di hatinya. Aina banyak mengutip ilmu daripada mentor-mentor yang terbukti berjaya.

Selepas setahun berkahwin, Aina dan suami sudah mempunyai Sijil Takaful Keluarga untuk diri sendiri. Aina memilih bayaran sumbangan selama 30 tahun, sesuai dengan sasaran akan pencen pada umur 56 tahun. Ketika Aina membuat keputusan untuk membeli perlindungan untuk anak sulung dan kedua pula, anak-anak ketika itu berumur 2 dan 4 tahun. Ikutkan agak lambat memulakan, namun, ia lebih baik daripada langsung tidak membeli polisi perlindungan. Kesibukan bekerja menyebabkan Aina terlupa perkara penting untuk keperluan masa hadapan. Belajar daripada pengalaman ini, dia membeli polisi perlindungan seawal anak-anak berusia kurang dua bulan.

Ada anak-anaknya yang memiliki takaful pendidikan, ada yang umrah dan haji, pelaburan dan perubatan. Aina dan suami bersama-sama mencarum sumbangan tersebut. Ada yang dibayar Aina dan ada yang dibayar oleh suaminya. Aina tidak fokus kepada polisi takaful sahaja. Aina juga melabur di dalam sekuriti yang lain seperti simpanan di Tabung Haji (TH), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan pelaburan emas. Untuk anak, Aina memastikan mereka mempunyai akaun TH dan mendaftar haji di usia muda. Jika ada

bonu

## SRIKANDI

bonus atau duit raya, dia akan beli emas untuk simpanan jangka masa panjang. Bagi Aina, sifat berhemah dan cermat dalam perbelanjaan akan membuahkan hasil yang berbaloi pada masa akan datang.

Aina mahu menjadi srikandi bijak! Hanya diri sendiri yang tahu kemampuan dalam memenuhi keperluan dan kehendak. Ibarat menyediakan payung sebelum hujan, Aina berusaha untuk membuat persiapan awal demi masa depan yang terbaik buat diri dan keluarganya.



REZEKI  
ANAK

HASMIDA MOHAMAD HASSAN

# *REZEKI*

# *ANAK*

HASMIDA MOHAMAD HASSAN

**K**akak, anak sulung ibu lahir pada Februari 2004. Ketika itu ibu berkhidmat di Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang dan ayah di Kolej Komuniti Sungai Petani. Ibu tinggalkan kakak seawal usia 60 hari kerana mengikuti Kursus Induksi selama tiga minggu. Kakak banyak menumpang kasih sayang nenek dan ibu saudara. Ibu tinggalkan kakak bersama mereka ketika ibu bekerja atau bertugas di luar kawasan. Kakak antara sebab ibu dan ayah berusaha untuk mohon pindah ke Politeknik Kulim yang berdekatan dengan rumah. Ketika kakak berusia dua tahun, permohonan kami untuk berpindah berjaya.

Januari 2007, anak kedua ibu (abang) lahir. Abang, anak yang mula menyusu ibu secara sepenuhnya. Abang tolak susu di dalam botol. Setiap hari, ibu berusaha mengepam susu untuk bekalan abang. Abang juga memulakan episod ibu ulang-alik ke klinik dan hospital. Abang kerap demam tonsil dan pada masa yang sama tumbesaran dada abang menunjukkan kelainan yang dipanggil pectus excavatum (dada cekung ke dalam). Kami rujuk kes abang sehingga ke pakar di Institut Jantung Negara (IJN) untuk memastikan kondisi dada abang stabil dan normal. Disebalik kekalutan ibu dan ayah menguruskan dua anak ini, ibu dianugerahkan Anugerah Pekerja Cemerlang (APC) pada tahun kelahiran abang dan ayah terima APC pada tahun berikutnya. Ibu juga berjaya memperolehi pencapaian tahap 4 bagi modul Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK). MasyaAllah, Tabarakallah.

## SRIKANDI

Pada tahun 2009, ibu mengandung luar rahim. Tiub fallopio sebelah kanan ibu perlu dipotong dan diikat. Namun rezeki Allah SWT, ibu mengandung lagi dan anak ibu (Aniq) lahir pada Mac 2010. Aniq juga seperti abang menyusu ibu sepenuhnya, namun dia terima susu botol bila bersama pengasuh. Dia juga mempunyai simptom pectus excavatum dan kerap demam tonsil. Aniq dan abang kemudiannya menjalani pembedahan buang tonsil di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani.

Semasa membesarkan Aniq, ibu sibuk dengan tugas sebagai penyelaras MQA Jabatan. Pasukan MQA Politeknik pada ketika itu kerap berbengkel di luar kawasan dan ibu sering mengikuti lawatan penanda aras di institusi lain. Kerap juga ibu tinggalkan abang dan Aniq bersama-sama pengasuh, jiran kami yang sangat baik yang dipanggil 'mak' dan 'abah' oleh anak-anak. Rezeki ibu dan ayah anak tiga, kami berjaya dalam permohonan kenaikan pangkat ke gred DH44 pula.

Pada Mac 2013, lahir anak bongsu ibu, Aydan. Sekali lagi kami diuji dengan episod ulang-alik ke hospital. Aydan mengalami kesukaran bernafas terutama ketika tidur. Bunyi seolah-olah dengkur yang kuat amat meresahkan kami. Kes Aydan dipanjangkan sehingga ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar (HSB) kerana di sana terdapat Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak (PICU). Satu prosedur dijalankan ketika Aydan berusia 11 bulan untuk membetulkan saluran pernafasan. Seminggu juga ibu dan Aydan berkampung di HSB. Ayah yang ketika itu cuti sambung belajar membantu menguruskan anak-anak lain di rumah. Alhamdulillah, setahun selepas menjalani prosedur, Aydan disahkan sihat sepenuhnya.

## SRIKANDI

Dalam kesibukan menguruskan Aydan, menjalankan tugas hakiki dan tugas sampingan di politeknik, ibu sempat menulis buku Financial Accounting 3 bersama rakan penulis yang lain dan buku tersebut berjaya diterbitkan pada tahun 2013. Dua tahun selepas kelahiran Aydan, ibu berjaya dalam permohonan kenaikan pangkat DH48.

Sungguh cepat masa berlalu. Cabaran menguruskan anak-anak ketika kecil mungkin tidak sama dengan menguruskan anak yang meningkat usia remaja. Namun kisah kelahiran dan cabaran membesarkan anak-anak masih segar di dalam ingatan.

Ya Allah, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Engkau kurniakan kami rezeki anak-anak yang soleh dan solehah, Engkau jentik kami dengan ujian dan pengalaman yang berbeza dalam membesarkan anak-anak. Engkau hadirkan insan yang berhati mulia membantu dan menyokong kami dalam urusan anak-anak dan urusan kerjaya. Engkau limpahkan kami rezeki yang tidak putus-putus di sebalik ujian dan kepayahan. Allahu Akbar, nikmat apalagi yang hendak kami dustakan.

Allah SWT telah menetapkan setiap rezeki buat anak-anak kita sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran yang bermaksud, “Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kemiskinan, (Tuhanmu berfirman), Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka.” (Surah al-An'am, 6 : 151).

Yakinlah bahawa Allah SWT itu Maha Pemurah dan sentiasa mencukupkan keperluan seisi keluarga. Serahkan segala urusan kepada-Nya dan rezeki pasti akan datang dari arah yang tidak disangka-sangka.





RINDU YANG TAK  
PERNAH SEMPAT

INTAN RADINA AHMAD

# *RINDU YANG TAK PERNAH SEMPAT*

INTAN RADINA AHMAD

**P**agi itu, langit di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah tampak kelabu. Angin bertiup perlahan, membawa kabus tipis ke halaman kampus yang masih lengang.

Di Jabatan Perdagangan, bilik pensyarah aras 3 sudah terang-benderang. Seperti biasa, Dahlia menjadi yang pertama tiba. Di atas mejanya, bertimbun tugas pelajar semester akhir menanti untuk disemak. Di sebelahnya, secangkir kopi yang sudah separuh sejuk. Di atas lantai pula ada beg sekolah anaknya, Afiq, menandakan dia belum sempat singgah ke rumah selepas menghantarnya ke transit semalam.

"Umi, boleh tak hantar Afiq ke sekolah esok?" Dahlia tersenyum dalam kelelahan. "Insya-Allah, kalau sempat ya, sayang." Itulah jawapan yang sering diberikannya – 'kalau sempat'. Dia sedar, masa bukanlah miliknya. Sebagai pensyarah kanan, hidup Dahlia bukan sekadar berkisar tentang kuliah. Ada laporan penilaian, mesyuarat penyelarasan, dokumentasi akreditasi, penyelidikan dan kadangkala program luar yang menuntut komitmen tanpa kompromi.

"Awak balik lambat lagi ke malam ni?" soal suaminya lewat WhatsApp. Dahlia tidak sempat menjawab. Talian telefon berdering. Tuan Pengarah memanggil ke bilik mesyuarat untuk perbincangan tergepar. Hatinya mahu menjerit, tetapi tubuhnya tetap melangkah.

## SRIKANDI

“Mak telefon semalam, kamu tak angkat pun,” tegur ayahnya minggu lepas. Dahlia hanya mampu meminta maaf. “Maaf ayah, Dahlia sibuk sikit.”

“Sibuk sangat sampai lupa mak sendiri?” Ayahnya tidak marah, tapi kata-kata itu menikam hatinya. Hakikatnya, sudah dua minggu dia tidak menjenguk orang tuanya di kampung. Padahal hanya sejam perjalanan. Tetapi masa dirasa bagai cemburu padanya. Dia bukan sengaja, tetapi tubuh dan mindanya terlalu penat sehinggakan untuk memandu pun dia tidak punya daya.

Petang itu, selepas pulang dari bengkel penyelidikan tiga hari di luar daerah, Dahlia menemukan sekeping lukisan kecil di atas meja makan. Lukisan Afiq. Gambar seorang wanita berwajah penat dengan mata yang sayu dan senyuman yang lesu. Di bawahnya tertulis:

“Ini umi. Umi kuat. Tapi umi selalu penat.” Lukisan itu menghancurkan tembok hati Dahlia yang selama ini kental. Dia menangis dalam diam. Hatinya bagaikan digenggam kuat-kuat oleh rasa bersalah terhadap anaknya, terhadap suaminya dan terhadap kedua ibu bapanya yang sering dia abaikan dalam mengejar dunia kerjaya.

Malam itu dia menelefon emaknya. “Mak sihat? Maaf mak, dah lama tak balik...” Emaknya hanya ketawa kecil. “Mak sihat, Alhamdulillah. Tapi mak rindulah suara kamu. Kami tak minta banyak, Dahlia. Dapat dengar suara kamu pun dah cukup.” Air mata Dahlia mula mengalir. Betapa dia terlalu mengejar pencapaian sehingga lupa bahawa ‘kehadiran’ kadangkala lebih berharga daripada kesempurnaan.

## SRIKANDI

Dahlia meneruskan rutinnnya seperti biasa. Bangun awal, mengenakan baju kurung dan membawa senyuman ke kampus. Di hadapan pelajarnya, dia tidak menunjukkan resah. Dia mengajar, menyemak, menyelia projek dan menghadiri taklimat pensijilan seperti biasa. Dia tetap pendidik yang dihormati, walau hatinya tercarik.

Suatu malam, Dahlia duduk di tepi Afiq. “Umi minta maaf selalu sibuk. Umi rindu Afiq tiap-tiap hari. Tapi umi tak sempat.” Afiq memeluk erat tubuh ibunya. “Umi, Afiq tahu. Tapi Afiq tetap sayang umi banyak-banyak.”

Keesokan harinya, Dahlia meletakkan satu nota kecil dalam bekal Afiq. "Kalau umi lambat, ingat ya ... rindu umi sampai dulu. Bukan sebab umi lupa, tapi sebab umi cuba kuat untuk kita semua."

Hujung minggu itu, Dahlia memandu pulang ke kampung tanpa menunggu waktu ‘sempat’. Dia duduk di beranda rumah, menikmati menu air tangan emak. Berbual-bual meluahkan isi hati kepada emak dan ayah tentang Afiq, tentang kerja dan tentang lelah yang tidak pernah difahami sesiapa. Ayah hanya menepuk bahunya. “Tak apa nak, kamu kuat. Tapi kuat pun perlu rehat. Jangan sampai rindu pun jadi hutang.”

Hari itu, Dahlia sedar. Dia mungkin tidak mampu mengurangkan komitmen kerja, tetapi dia mampu memilih untuk ‘hadir’. Meskipun tidak lama, meskipun hanya seketika. Dia mengerti, dalam dunia yang sibuk dan tidak menunggu sesiapa ini, hadir dengan jiwa adalah bentuk kasih yang paling mahal.



# SETANGKAI DOA ANTARA DUA NEGERI

RAIHAN AHMAD



# *SETANGKAI DOA ANTARA DUA NEGERI*

RAIHAN AHMAD

**L**angit pagi itu cerah, secerah harapan yang menyelimuti jiwa dua insan yang baru disatukan dalam ikatan suci. Di hadapan saksi, lafaz sakinah bergema menyatukan Anis dan Shah sebagai suami isteri.

"Abang doakan rumah tangga kita teguh seperti akar tunjang, sayang," bisik Shah, jemarinya menggenggam tangan Anis penuh harap.

"Anis pun mohon, semoga abang menjadi imam yang sentiasa menuntun Anis menuju reda Tuhan," balas Anis. Air mata syukur mengalir perlahan di pipi.

Namun, seperti bulan yang tidak selamanya purnama, ujian datang menyinggah. Shah bertugas sebagai pegawai agama di utara tanah air dan Anis pula seorang pensyarah muda di sebuah IPTA di Melaka. Mereka tidak berpeluang tinggal sebumbung. Kerjaya dan tanggungjawab menuntut mereka terpisah antara dua negeri.

Setiap hujung minggu, Shah menempuh perjalanan ratusan kilometer. Bukan kerana dipaksa, tapi kerana rindu yang tak pernah surut. Rindu pada isteri yang kini sedang mengandung anak pertama mereka.

## SRIKANDI

Pada awal kehamilan, Anis diuji dengan alahan yang teruk. Air terasa seperti cuka, makanan bagaikan pasir. Tubuhnya susut, semangatnya longlai. Namun dia tetap hadir ke kelas, menyampaikan ilmu meskipun lelah mencengkam tubuh.

“Awak patut berehat, Anis. Jangan paksa diri.” tegur rakan sejawat.

“Selagi saya mampu melangkah ke dewan kuliah, saya tetap akan mengajar. Ini amanah,” balas Anis sambil mengusap perutnya yang mula membesar. Baginya, inilah mahar yang perlu dibayar untuk sebuah kebahagiaan.

Shah yang jauh di utara hanya mampu mendengar berita melalui telefon. Hatinya remuk. Setiap malam dia lama bersujud, menitipkan doa buat isteri yang gigih berjuang sendirian.

“Kalau abang boleh tukar tempat kerja, kalau abang boleh ubah keadaan kita ... abang sanggup, sayang,” ucapnya dalam sebak.

Trimester kedua membawa sedikit kelegaan. Anis semakin sihat. Bayi dalam kandungan menjadi sahabat sunyi. Malam-malam yang sepi ditemani bisikan kasihnya kepada si kecil.

Namun Shah masih diburu resah. Kandungan Anis semakin sarat dan dia masih memandu sendiri ke tempat kerja. Shah meminta supaya Anis mengajak pelajarinya untuk menemaninya di rumah setiap malam. Dia tak mahu perkara tak baik berlaku.

## SRIKANDI

“Sayang janji dengan abang, jangan ke mana-mana tanpa teman. Tolong ... ,” suara Shah tegas, namun sarat dengan cinta.

“Baik, abang. Demi anak kita juga,” balas Anis, cuba menenangkan hatinya yang sendiri resah.

Apabila kandungan mencecah sembilan bulan, Shah mengambil cuti khas dan membawa Anis pulang ke kampung. Di situlah lahirnya cahaya mata pertama mereka, tangisan bayi menjadi penawar segala lelah.

Namun selepas tiga bulan berpantang, episod perpisahan kembali berulang. Shah menghantar Anis dan bayi kecil mereka ke Melaka. Kali ini lebih sukar, Anis bukan sahaja sebagai isteri dan pendidik tetapi juga ibu kepada bayi kecil yang memerlukan perhatian setiap saat.

“Kalau bukan kerana tugas, abang takkan benarkan sayang pergi,” luah Shah, mencium dahi isteri dan anaknya.

“Ayang kuat. Kita sama-sama berjuang, kan?” jawab Anis, tersenyum walau hati berat menanggung rindu yang belum pun reda.

Hari-hari Anis bermula seawal subuh dengan memandikan anak, siapkan susu, hantar dan ambil anak di taska, ke pejabat, balik lewat petang dan membeli barang-barang keperluan di rumah. Malam pula menjadi detik mengganti kasih yang tertinggal sepanjang hari. Mereka kembali ke rutin lama, berjumpa pada hujung minggu, berbicara melalui suara dan mencintai dari kejauhan. Kadang-kadang hanya sehari pertemuan, tapi cukup untuk mengisi segunung rindu.

## SRIKANDI

Hidup mereka bagaikan pelita di tengah taufan, kadang redup, kadang menyala. Namun bahan bakarnya adalah doa yang tidak pernah putus dan kasih yang tidak pernah luntur.

Setiap malam yang sunyi, Anis akan berbisik kepada Tuhan, “Ya Allah, jika ini harga sebuah bahagia, aku reda. Tapi jika Engkau izinkan, satukanlah kami di bawah satu bumbung. Biar anak kami kenal kasih sayang, bukan hanya pada hujung minggu tapi pada setiap hari yang kami jalani bersama.”

Setangkai doa di antara dua negeri, menjadi jambatan antara cinta dan amanah. Kerana kasih yang dibaja dengan sabar akan tumbuh mekar walau hujan tak henti turun.





SLAID  
KETUJUHH

FAUZIAH ZAKARIA

# *SLAID*

# *KETUJUH*

FAUZIAH ZAKARIA

**D**i satu sudut terletak papan putih yang masih ada coretan separuh terpadam. Mesin-mesin baru tersusun rapi. Kerusi plastik biru yang telah uzur terbiar, seolah-olah menunggu seseorang kembali.

Zahra berdiri di tengah-tengah bilik yang tersusun rapi dengan alat-alat teknologi tinggi, tempat yang dulu pernah lapang dan kosong, kini bertukar menjadi ruang berprestij yang sering dikunjungi pelawat. Tangannya menyentuh dinding yang dulu lusuh dan pandangannya jatuh pada lantai yang dulu berdebu. Matanya kabur. Bukan kerana habuk, tapi kenangan.

“Awak sanggup, Zahra?” Soalan itu datang daripada Tuan Haji Hisham. Zahra hanya mampu tersenyum. Puan Seha dan Dr. Syahmi, nama-nama besar dalam jabatan memandangnya menanti jawapan.

“Saya tahu, awak dah ada banyak tugas sebagai ketua bidang. Tapi kalau awak tak pegang, tak ada siapa nak bawa unit ini,” sambung Haji Hisham lagi. Zahra hanya mampu mengangguk. Diam itu tandanya berserah.

## SRIKANDI

“Saya cuba, tuan haji. Saya tak janji sempurna, tapi saya janji buat yang terbaik.” Tiada kertas panduan, tiada mentor tetap. Hanya berbekal ilmu daripada Encik Azim, bekas bos yang kini sudah naik pangkat dan tidak lagi berada dekat untuk dirujuk. Dialah yang dahulu mengajar Zahra menulis kertas kerja, membaca bajet dan memahami kelompongan sistem.

Zahra mula mengatur langkah. Merujuk institusi lain, membuat lawatan penanda aras, mengisi borang demi borang, merangka pelan kerja dan sasaran. Semuanya bermula dari kosong. “Tak apa, Allah ada.” Begitu Zahra memujuk diri.

Pengarah baharu melapor diri. Puan Maya. Aura tegas, elegan dan penuh keyakinan. Zahra kagum. Mungkin inilah peluangnya untuk tunjuk apa yang telah di usaha. Semoga wanita besi ini sama-sama membantunya menggalas tanggungjawab untuk membawa unit ini ke mercu kejayaan.

Zahra menarik nafas lega setelah menyiapkan 36 slaid. Setiap satu disusun seperti peta harapan. Ada bajet ubahsuai bilik. Ada pelan permohonan alat teknologi tinggi bernilai sejuta ringgit. Ada sasaran jangka panjang sehingga tahun 2025. Dalam mesyuarat bersama pengarah, Zahra bersuara penuh yakin. Inilah masanya - slaid ketujuh.

Pengarah mengangkat tangan. “Ada lagi nak dibentang?” Zahra terdiam. “Saya rasa cukup setakat ini, puan.” Masih terlalu banyak yang belum sempat dikongsi tetapi dia terpaksa akur.

## SRIKANDI

Beberapa minggu kemudian, Zahra dipanggil. “Kami perlukan yang lebih layak. Yang ada *education level* yang lebih tinggi. Yang ada kemampuan untuk pergi lebih jauh. Awak bagus, tapi saya perlukan *somebody*.” Zahra tidak melawan. Tidak juga membela diri atau meminta penjelasan lanjut. Dia hanya mampu tersenyum kelat. Senyuman yang orang lain tidak tahu betapa pedihnya menahan rasa ‘gagal’ itu di dalam hati.


Tahun demi tahun berlalu. Unit itu direnovasi dengan idea yang asalnya daripada Zahra. Alatan bernilai sejuta ringgit telahpun sampai, hasil kertas kerjanya yang dulu dipandang sepi. Ruang itu kini menjadi kebanggaan jabatannya. Tapi namanya tidak pernah disebut. Kejayaan itu dituai tanpa menjejak usahanya yang pernah gigih menyemai.

Hari ini, Zahra kembali ke unit itu. Bukan untuk menuntut hak tetapi untuk menumpang rasa bahagia. ‘Aku tak perlu berada di atas pentas untuk menjadi sebahagian daripada kejayaan. Cukup aku tahu, aku pernah pasang beberapa lampu sebelum pentas itu gah bergemerlapan.’ Dalam dunia yang mengejar gelaran, pangkat dan pengiktirafan, masih wujud mereka yang bekerja dalam diam. Yang tidak menyebut, “Saya yang buat,” tetapi mereka tetap terus mahu memberi.

Zahra mungkin tidak lagi bergelar ketua unit tetapi dia tidak pernah menyesal dengan ketekunan, kesabaran dan usaha bersama-sama rakan yang turut membantu ketika itu. Zahra tidak perlukan sesiapa untuk mengiktirafnya, kerana dia tahu apa yang dia beri itu dari hati yang ikhlas.

Zahra tahu, Allah Maha Melihat. Biarlah pengiktirafan itu daripada Yang Maha Tahu.





SRIKANDI  
TIGA GENERASI

MARZIANA HASHIM

# *SRIKANDI*

## *TIGA GENERASI*

MARZIANA HASHIM

**D**i sudut kecil di halaman rumah, pokok bunga ros mekar berseri-seri. Harumannya seolah-olah membisikkan kisah tentang seorang wanita, ibuku - srikandi yang tidak pernah menyerah kalah.

Ketika usianya menjangkau 63 tahun, satu berita mendebarkan hadir dalam hidup kami. Dalam bilik rawatan yang dingin dan sunyi, doktor menyampaikan khabar yang merobek hati, “Puan menghidap kanser tiub fallopio.”

Aku memegang tangan ibu, berharap khabar itu hanyalah mimpi. Tapi ibu tidak menangis. Tiada setitis air mata pun yang tumpah di wajahnya. Hanya anggukan tenang dengan bibir yang menyebut perlahan, "Kalau ini ujian Allah, mak terima ...."

Pembedahan besar dilakukan. Rahim dan tiub fallopio ibu dibuang demi menyelamatkan nyawanya. Kami menunggu dengan cemas di luar bilik bedah, namun ibu sangat kental. Ibu bangkit lebih kuat dari yang kami sangka. Tidak sampai seminggu, dia sudah kembali menyiram pokok, mencantas dahan dan membelai kuntuman bunga-bunga rosnya. Inilah hobi ibu yang tidak pernah dia tinggalkan walau dalam keletihan.

## SRIKANDI

Ibu kemudiannya menjalani rawatan kemoterapi pula. Lapan pusingan semuanya. Kali pertama hingga kelima, ibu masih gagah. Dia tetap memasak, menyapu halaman dan tersenyum setiap kali melihat anak cucu pulang ke terataknya. Namun, pusingan kemoterapi terakhir benar-benar melemahkan tubuhnya. Badannya lesu, wajahnya pucat. Seminggu ibu hanya mampu terbaring.

Aku duduk di sisinya, menggenggam tangannya yang dingin. "Ibu kuat, ibu dah sampai sejauh ini ... jangan berhenti sekarang," bisikku. Ibu membalas dengan senyuman lemah tetapi penuh makna. Aku lihat itu adalah senyuman seorang pejuang.

Hari-hari seterusnya, ibu kembali bangkit. Tiga tahun berlalu. Bunga-bunga ros di halaman rumah semakin subur. Ibu masih ke hospital menjalani rawatan susulan. Tidak pernah culas, tidak pernah mengeluh.

Kini, aku pula harus meneruskan jejak langkah pejuang itu. Aku turut diuji. Kanser payudara hadir dalam hidupku. Tapi kali ini, aku tahu aku tidak keseorangan. Di hadapanku berdiri satu susuk kekuatan - seorang srikandi yang telah membuktikan bahawa ujian sebesar manapun tidak akan mampu menewaskan semangat juang seorang wanita.


Kata ibu sambil memotong ranting bunga ros merah jambu, "Anak perempuan mak pun srikandi. Kita berdua pejuang dan cucu mak nanti pun akan belajar jadi sekuat kita."

Aku menulis kisah ini bukan sekadar sebagai kenangan, tetapi sebagai obor. Obor untuk anak perempuanku agar suatu hari, jika dia diuji, dia akan tahu bahawa darah yang mengalir dalam dirinya adalah darah generasi pejuang. Srikandi yang tidak pernah kenal erti kalah!



# SYUKUR SEADANYA

BADRUL SAKINAH SANUSI




# *SYUKUR SEADANYA*

BADRUL SAKINAH SANUSI

**A**lhamdulillah, syukur seadanya  
Diberi kerja dikurnia rezeki  
Dari pagi hingga terbenam mentari  
Hujan panas, tak henti-henti  
Ditempuh jua demi reda Ilahi

Alhamdulillah, syukur seadanya  
Bertemu rakan sekerja  
Senyum terukir ramah mesra  
Tugas digalas amanah dijaga  
Selaras dengan ajaran kita

Alhamdulillah, syukur seadanya  
Merangkul tugas yang diamanah  
Menjadi wanita hebat yang tabah  
Di pejabat dan juga rumah  
Kepada Allah tempat berserah




Alhamdulillah, syukur seadanya  
Bekerja tak pernah lelah  
Walau tugas tak pernah mudah  
Menimbun sampai melimpah-ruah  
Tiba masanya siap sudah

Alhamdulillah, syukur seadanya  
Rumah dijaga keluarga terurus  
Untuk elak serangan virus  
Sana sini selalu diberus  
Kepada Ilahi tetap tulus

Alhamdulillah syukur seadanya  
Berjuang demi keluarga tercinta  
Pengorbanan dibina doa dipinta  
Walau tidak sempurna semuanya  
Semoga beroleh pahala jua.





# CEKAL DALAM PERJUANGAN

ROS MY

# *CEKAL DALAM PERJUANGAN*

ROS MY

**I**ni kisah Mimi. Mimi adalah seorang guru di sekolah rendah dan dia sangat mencintai kerjayanya. Dia tinggal di sebuah kampung yang dikelilingi hutan hijau dan kebun getah yang meninggi, bersama-sama suami dan dua orang anak mereka.

Setiap pagi, Mimi bangun awal sebelum matahari terbit. Dia menghidupkan api dapur untuk memasak nasi dan menyediakan sarapan untuk anak-anaknya, Amir dan Amira. Setelah memastikan anak-anaknya bersedia, Mimi bersiap untuk pergi ke sekolah bersama mereka.

Mimi sentiasa melangkah ke sekolah dengan harapan yang satu - dapat memberi inspirasi kepada anak-anak muridnya. Semangat inilah yang selalu mengiringi Mimi. Walaupun kadang-kadang terasa penat, Mimi tidak pernah mengeluh. Dia percaya bahawa pendidikan adalah kunci untuk mengubah nasib. Setiap hari, Mimi berusaha memberikan yang terbaik kepada anak-anak muridnya. Dia mengajar mereka dengan penuh kasih sayang, menggunakan pelbagai cara untuk memastikan mereka memahami pelajaran dan bertekad untuk melihat mereka berjaya.

Namun, kehidupannya tidak semudah yang disangka. Suaminya, Shah terpaksa bekerja di luar negara demi berkhidmat untuk negara. Tiada istilah untuk menolak tugas yang diberikan. Mimi terpaksa

## SRIKANDI

akur dengan amanat yang diterima oleh suaminya. Bagi sesetengah orang memang biasa berjauhan namun jika berada di kampung yang serba kekurangan memang sangat mencabar jika tiada suami di sisi. Mimi terpaksa menguruskan rumah tangga, anak-anak dan mendidik anak-anak bangsa seorang diri. Dengan air mata yang mengalir, Mimi memutuskan untuk tidak membiarkan kesedihan meruntuhkan semangatnya.

Sejak itu, Mimi merasakan beban yang lebih berat di bahunya. Dia terpaksa menanggung amanah sebagai ibu dan pendidik dengan lebih gigih. Namun, dia tidak pernah mengabaikan anak-anaknya. Setiap malam, selepas pulang dari sekolah, Mimi akan membantu Amir dan Amira mengulangkaji pelajaran walaupun dirinya lelah. Dia percaya bahawa walaupun dalam keadaan sukar, perhatian terhadap anak-anak tetap lebih penting.

Suatu petang, ketika Mimi sedang mengajar di dalam kelas, seorang muridnya mengangkat tangan. "Cikgu, kenapa cikgu selalu ceria walaupun ada banyak masalah?" tanya Siti dengan penuh kehairanan. Mimi tersenyum dan menjawab, "Kita harus sentiasa cekat dan berjuang, walaupun dalam keadaan sukar. Setiap cabaran adalah peluang untuk kita belajar dan menjadi lebih kuat."

Kata-kata Mimi memberi inspirasi kepada murid-muridnya. Mereka mula memahami bahawa hidup ini tidak selalunya mudah, tetapi dengan usaha dan ketekunan, mereka dapat mengatasi segala rintangan. Mimi bangga melihat anak-anak muridnya semakin bersemangat untuk belajar. Hari demi hari berlalu, Mimi terus gigih berjuang. Dia mula menulis di *Facebook* tentang pengalamannya sebagai seorang ibu dan guru, berkongsi tip mendidik anak dan menguruskan rumah tangga. Laman *Facebook* Mimi mendapat perhatian ramai dan menjadi sumber inspirasi kepada wanita-wanita lain yang berada dalam situasi yang sama.

## SRIKANDI

Akhirnya, setelah setahun bersabar, Shah pulang ke pangkuan keluarga. "Saya bangga dengan awak, sayang," kata Shah dengan penuh rasa syukur. Mimi hanya tersenyum, kerana baginya perjuangan ini adalah untuk masa depan anak-anak mereka.

Dengan semangat baharu, Mimi dan Shah bersatu semula untuk membina keluarga yang lebih utuh ikatannya. Mereka berdua menyedari bahawa walaupun hidup penuh dengan cabaran, cinta dan pendidikan adalah asas yang tidak ternilai dalam membentuk generasi akan datang. Ilmu adalah segala-galanya untuk manusia terus meneroka kehidupan dalam dunia yang serba mencabar ini.

Mimi terus menjadi guru yang cekal, bukan hanya di sekolah, tetapi juga di rumah. Dia percaya bahawa setiap usaha yang dilakukan akan membuahkan hasil. Dia bertekad untuk terus berjuang demi anak-anak bangsa dan keluarganya.

Kisah Mimi ini kedengaran sinonim dengan kebanyakan wanita di luar sana. Namun, dengan semangat juang yang tinggi inilah, yang menjadikan ramai wanita menjadi hebat dengan cara tersendiri. Wanita-wanita hebat inilah yang menjadi tunjang sebuah keluarga yang bahagia dan masyarakat yang berjaya.

Tahniah semua wanita hebat!





**POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHİYAH**

SRIKANDI

eISBN 978-629-7778-34-1



9 786297 778341

Online